

# Laporan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR **AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI  
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

SYAHRUL FITHRI BIN MUSA

**KETUA UNIT KUALITI :**

EZWAN BIN MOHD MOKHTAR

**PENYELARAS :**

**PENULIS :**

1. RAJA NOR AMINAH BINTI RAJA AYOB
2. EZWAN BIN MOHD MOKHTAR
3. MASTURA BINTI MUHAMMAD
4. BEBBRA MAILIN
5. NOR'ANIRA BINTI HARIS
6. AIMI NABILA BINTI ANIZAIM
7. NUR NAFISHAH BINTI AZMI

8. HAMZAH BIN MOHAMED TAHIR
9. WAN AINAA ATIQAH BINTI MOHD ISMADI
10. MOHD SUHAIMI BIN JUHAN
11. NORHASHEILA BINTI MUHARAM
12. DURATUL AIN DOROTHY BT JONATHAN LINGGANG
13. KENCHANA WATI BINTI MD YUSOF
14. AYU HASWIDA BT ABU BAKAR
15. SYARUL AZLINA BINTI SIKANDAR
16. AHMAD KAMAL BASYAH BIN SALLEHUDDIN
17. NORLELA BINTI ISMAIL
18. MARDIANA BINTI ISMAIL
19. MOHD SHARIMAN BIN MAT SOPARI

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **PENDEKATAN KEPIMPINAN KANAN AKADEMIK FAKULTI FILEM TEATER DAN ANIMASI**

Bahagian ini menumpukan kepada peranan kepimpinan sesebuah institusi pengajian tinggi di Fakulti Filem, Teater dan Animasi, dalam menonjolkan peranan Kepimpinan Kanan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA) bagi menggerak bidang tumpuan utama iaitu pengajaran dan pembelajaran. Justeru, bahagian ini akan membincangkan PDCA (Plan, Do, Check, Act) yang diaplikasikan oleh fakulti bagi menggerakkan bidang tumpuan iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP). Mekanisma utama yang digerakkan oleh Kepimpinan FiTA dalam melaksanakan PDCA adalah melalui mesyuarat *Work in Progress* ([WIP](#)) yang dikendalikan secara mingguan dan dihadiri oleh Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Ketua Pascasiswazah, Koordinator Kursus Fakulti, dan Profesor bersama ketua-ketua pentadbiran dan unit teknikal. Melalui persetujuan bersama Kepimpinan FiTA, pihak pengurusan fakulti telah mewujudkan inisiatif sebagai pendekatan utama iaitu -- a) penawaran program baharu yang bercirikan [mod WBL/2u1i](#) (Maklumat lanjut mengenai pelaksanaan WBL/2u1i FiTA boleh diperolehi daripada pautan: <https://sites.google.com/uitm.edu.my/fta651-ft652/utama>), b) [pengintegrasian kurikulum yang interdisiplinari -multidisiplinari](#), c) menyediakan [platform penilaian dan pentaksiran bertaraf nasional](#) d) pengukuran jaringan industri melalui MOU/MOA bersama rakan industri e) penglibatan pelajar dalam pembangunan fakulti dan PdP. Objektif utama perancangan pendekatan ini adalah;

1. Membudayakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan terkedepan melalui pengalaman pembelajaran secara '*real learning*' untuk memberi nilai signifikan dan penjanaan idea-idea baru dikalangan pelajar yang berstandardkan profesional.
2. Menyediakan ruang dan strategi penilaian/pentaksiran alternatif yang bersifat bagi projek akhir pelajar agar melahirkan graduan bermutu ke arah pembangunan pendidikan dan penjanaan ekonomi sektor industri kreatif.
3. Mewujudkan kurikulum yang melibatkan pengintegrasian cabang ilmu secara interdisiplinari – multidisiplinari yang memberi signifikasi kepada pendedahan yang holistik kepada pelajar dan tenaga pengajar.

Dari segi **pelaksanaan dan semakan (Do and Check)**, program akademik yang ditawarkan oleh FiTA sejak tahun 1999 hingga ke 2016 adalah bersifat konvensional. Namun seiring dengan cabaran pendidikan global, FiTA telah mereformulasi pendekatan PdP dan memulakan 15 program baharu pada September 2017 ([Surat Kelulusan UiTM-JPT](#)). Ini menjadikan FiTA sebagai institusi pengajian tertinggi yang paling banyak menawarkan program berbentuk WBL/2u1i di Malaysia ([Model 2u1i FiTA](#)) dan maklumat 2u1i

Kursus-kursus terdahulu telah melalui proses penjumudan sepenuhnya. Proses penjumudan program terdahulu dan penawaran baharu telah melibatkan semakan dan pelaksanaan yang komprehensif yang digerakkan oleh Kepimpinan FiTA. Malah, sejak FiTA ditubuhkan pada tahun 1999, nama fakulti telah dijenamakan sebanyak tiga kali. Dikenali dengan Fakulti Seni Persembahan (1999-2006), Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik (2006-2011) dan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (2011-hingga kini), transformasi ini membuktikan komitmen tinggi kepimpinan fakulti untuk memastikan fakulti kekal relevan dalam memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada sektor industri kreatif negara.

Usaha Pengurusan Kempimpinan FiTA dalam PdP jelas dilihat apabila kurikulum FiTA memenangi [anugerah pendidikan di peringkat nasional](#) yang disertai sendiri oleh Pengurusan Kanan FiTA ([Lampiran Anugerah dan IP yang diketuai oleh Pengurusan Kanan FiTA](#))



## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Lanjutan daripada tiga objektif utama yang dibincangkan di bahagian 1.1, bahagian ini akan menumpukan pendekatan yang diinisiatifkan oleh Kepimpinan Kanan FiTA untuk mengerakkan bidang tumpuan pilihan iaitu (PdP). EMPAT pendekatan tersebut adalah:

### **PENDEKATAN INISIATIF 1: PENAWARAN 10 PROGRAM AKADEMIK PERINGKAT**

**SARJANA YANG BERTERASKAN 2u1i (WBL).** Sebagai tindak balas tindak balas terhadap *Malaysian Education Blueprint 2020-2025* yang menuntut graduan bekerja secara kreatif dan kolaboratif pihak pengurusan kanan FiTA telah membuat penawaran program pendidikan berasaskan kerja yang lebih inklusif, fleksibel, berpengalaman, berorientasikan kemahiran, membolehkan mobiliti dan sepanjang hayat. Kesepuluh program ini ditawarkan secara serentak pada November 2017 (sila rujuk [bukti 1 Surat Kelulusan UiTM-JPT](#) surat kelulusan UiTM-JKPT dan [bukti 2 model 2u1i FiTA](#), [bukti 3 hakcipta model 2u1i FiTA](#).

**PENDEKATAN INISIATIF 2: INTEGRATED PERFORMING ARTS COURSES (i-PAC).** Melalui pejabat Dekan dan Timbalan Dekan Akademik, dalam melaksanakan WBL, model *Integrated Performing Arts (i-PAC)* [model integrated performing arts courses \(i-PAC\)](#) merupakan pengintegrasian bidang ilmu secara interdisiplinari – multidisiplinari yang memberi signifikasi kepada pendedahan yang holistik kepada pelajar dan tenaga pengajar. i-PAC dilaksanakan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan pendidikan secara formal dan praktikal melalui integrasi kursus-kursus terpilih dari lima pusat pengajian di FiTA (video i-pac) [video i-pac](#).

### **PENDEKATAN INISIATIF 3: MINGGU KARYAONE SEBAGAI PLATFORM PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN.**

Minggu KaryaOne (dilampirkan sampel website [website MingguKaryaOne 2019](#)) diperkenalkan oleh pihak pengurusan kanan sebagai platform penilaian dan pentaksiran serta ruang pihak industri melihat keupayaan dan prestasi pelajar seterusnya memberikan peluang sangkutan industri kepada pelajar FiTA. Kolaborasi ini meningkatkan pengetahuan pelajar. Malah produk yang dihasilkan dipertontonkan kepada komuniti dan rakan industri.

### **INISIATIF 4: JARINGAN INDUSTRI**

Unit Jaringan Industri yang diketuai oleh Timbalan Dekan PJI bergerak secara produktif dan proaktif dengan melestarikan program-program berbentuk MOU yang merangkumi industri seni kreatif, Organisasi Bukan Kerajaan [Non-Governmental Organisation (NGO)] dan Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan (non-profit organisation), universiti tempatan, swasta dalam dan luar negara. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan melalui anugerah dari pihak UiTM (sampel pautan keratan akhbar mengenai MOU/MOA FiTA bersama industri: [Keratan Akhbar Mengenai MOU FiTA bersama rakan industri](#)), [Video MOU FiTA bersama rakan industri](#). Atas usaha ini, FiTA telah [dianugerahkan Kejayaan MOU terbaik](#)

#### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
- 2.

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **PERLUASAN 1: MEMASTIKAN KESEMUA PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN SELARAS BERSIFAT KONTEMPORARI SELARI DENGAN *MALAYSIAN EDUCATION BLUEPRINT 2020-2025***

Penawaran program ini telah menjadikan FiTA adalah penawar program WBL/2u1i (<https://sites.google.com/uitm.edu.my/fta651-ft652/utama>) terbanyak di dalam bidang industri kreatif di Malaysia. Usaha ini telah membolehkan FiTA mewakili UiTM dan memenangi beberapa beberapa anugerah di peringkat nasional: Anugerah AKRI 2018, Anugerah Rekabentuk Semula Pendidikan, IIDEX 2018, IIDEX 2017 dan EICD 2018,

#### **PERLUASAN 2: MEMPERLUASKAN KURSUS-KURSUS MERENTASI BIDANG DENGAN MEWUJUDKAN *INTEGRATED PERFORMING ARTS COURSES***

Melalui pejabat Dekan dan Timbalan Dekan Akademik, Ketua-ketua Pusat Pengajian iaitu 1) Pusat Pengajian Filem, 2) Pusat Pengajian Teater, 3) Pusat Pengajian Penulisan Kreatif, 4) Pusat Pengurusan Seni, 5) Pusat Pengajian Animasi perlu memastikan kursus-kursus yang berpontensi untuk ditegrasikan. Melalui pengintegrasian ini pelajar FiTA perlu menghasilkan projek akhir dinilai berdasarkan *Course learning outcome* ([dilampirkan formula pengintegrasian](#))

#### **PERLUASAN 3: MINGGU KARYAONE DIPERLUASKAN SEBAGAI MINGGU PENILAIAN, DAN *INDUSTRY & COMMUNITY ENGAGEMENT***

Pihak Kepimpinan FiTA menetapkan Minggu KaryaOne yang dilakukan di Dewan Agung Tuanku Canselor dan dijadikan acara tahunan yang berskala nasional dan dijadikan platform penilaian dan pentaksiran untuk karya pelajar. KaryaOne ini juga diperluaskan kepada komuniti setempat ([MAKLUMAT MINGGU KARYAONE](#)). Komuniti setempat turut diberi peluang untuk menghadiri acara-acara yang dianjurkan oleh pelajar dan pensyarah. [Aktiviti-aktiviti santai yang berbentuk infotainment dan edutainment](#) seperti malam gala, tayangan filem, wacana seni, zumba dan sebagainya diselitkan sepanjang Minggu KaryaOne. KaryaOne memberi ruang kepada pelajar untuk memamerkan projek dan apresiasi kreatif mereka kepada orang awam. Secara tidak langsung perluasan berskala nasional ini mampu meningkatkan *visibility* graduan FiTA kepada umum ([KERATAN AKHBAR MENGENAI PENGLIBATAN KOMUNITI](#))

#### **PERLUASAN 4: PENGLIBATAN RAKAN INDUSTRI**

Minggu KaryaOne turut diperluaskan melalui penglibatan kepada rakan industri yang diperkenalkan dari inisiatif ke empat. Minggu KaryaOne ini telah dijadikan sebagai ruang pihak industri melihat keupayaan dan prestasi pelajar seterusnya memberikan peluang sangkutan industri kepada pelajar FiTA. Minggu KaryaOne juga memberi ruang kepada pemain industri untuk mengenalpasti bakat-bakat awal yang berpotensi untuk ditawarkan apabila pelajar bergraduan dan berkongsi idea-idea pengalaman sebenar pihak industri kepada masyarakat ([RAKAN-RAKAN INDUSTRI DI PENTAS KARYAONE](#))

#### **KAEDAH LIMA: PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PELAKSANAAN PENGANJURAN KARYAONE**

Pengurusan dan pelaksanaan KaryaOne turut melibatkan komitmen pelajar FiTA. Kepimpinan FiTA mengiktiraf KaryaOne sebagai satu sistem yang membentuk penajaran konstruktif . Glosari *Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar (GGP:AS)* mentafsirkan konstruk merupakan penglibatan pelajar sendiri yang membina dan mentafsirkan pemahaman dan membentuk makna tersendiri daripada apa yang dipelajari. Penajaran pula dikaitkan dengan persekitaran pembelajaran (KaryaOne) yang diwujudkan oleh kepimpinan FiTA yang menganjurkan pelajar libatsama secara ke tahap optimum. ([GAMBAR-GAMBAR PENGLIBATAN PELAJAR DALAM MENJAYAKAN KARYAONE](#))

**SENARAI BUKTI :**

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kaedah pemantauan kualiti yang dipraktikkan oleh pengurusan kanan FiTA adalah berikut:

#### **Pengakreditasian Program Akademik FiTA**

Pengurusan kanan FiTA, melalui Timbalan Dekan Akademik dan Ketua Pusat Pengajian memastikan semua program akademik di FiTA memiliki akreditasi dari badan pengiktiraf seperti MQA dan MBOT (bagi program Diploma Animasi dan Sarjana Muda Animasi). Sebagai penawar pendidikan ilmu kreatif negara, sesi PdP menggunakan kaedah *Outcome Based Learning*. Justeru, FiTA memastikan kebolehan pelajar mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari melalui bentuk *output* yang nyata. Sebagai contoh, tugasan (karya) pelajar yang dinilai di peringkat fakulti turut dipertandingkan di peringkat nasional dan antarabangsa ([sampel karya pelajar diiktiraf peringkat nasional dan antarabangsa](#)). Ini bagi memastikan projek yang dihasilkan tidak hanya berada pada tahap dalaman sahaja.

#### **Mesyuarat *Work in Progress (WIP)* dan Mesyuarat Fakulti dan Mesyuarat Berkepentingan.**

Pengurusan FiTA mengiktiraf mesyuarat sebagai platform utama dalam urusan pentadbiran PdP dan pengurusan fakulti. Kekerapan mesyuarat membolehkan pihak pengurusan berkomunikasi dan berkongsi maklumat, menyelesaikan masalah atau menyelesaikan pertikaian, meningkatkan prestasi dan membina kerja berpasukan. Pengurusan FiTA memantau perkembangan PdP secara komprehensif melalui mesyuarat *WIP* secara mingguan untuk membincangkan isu-isu yang berkait rapat dengan perjalanan PdP dan hal-hal yang berkaitan. [Mesyuarat WIP secara mingguan](#) diiktiraf sebagai satu komitmen kepimpinan kanan yang tinggi dalam memimpin fakulti (Bukti senarai ahli *WIP* dan agenda mesyuarat boleh dilihat melalui sampel minit mesyuarat). Manakala mesyuarat-mesyuarat yang lain dilakukan secara berkala berdasarkan keperluan.

#### **Mesyuarat Minggu KaryaOne**

Perancangan platform penilaian dan pentaksiran yang dibuat pada skala nasional turut diketuai oleh pihak Kepimpinan Kanan Fakulti. Dekan bertindak mempengurusi setiap mesyuarat yang KaryaOne yang dianjurkan pada setiap tahun. Penglibatan kepimpinan pengurusan tinggi secara langsung dalam pelaksanaan i-PAC dan acara Minggu KaryaOne. Dari sudut pelaksanaan, pihak pengurusan FiTA terlibat secara langsung sebagai pelaksana bersama staf, pelajar bagi membuat persiapan Minggu KaryaOne ([Bukti minit mesyuarat Minggu KaryaOne boleh dilihat melalui sampel minit mesyuarat dan gambar mesyuarat](#))

#### **SENARAI BUKTI:**

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Kepimpinan Kanan FiTA merupakan barisan hadapan yang menerima sebarang bentuk risiko dan segala urusan yang berkaitan dengan Fakulti dibentangkan di mesyuarat *Work in Progress*

Bagi ini **Inisiatif 1**, risiko utama yang dikenalpasti apabila melibatkan penawaran program akademik secara serentak dan dalam jumlah yang tinggi adalah fakulti berhadapan dengan risiko kekurangan tenaga akademik bagi melaksanakan aktiviti PdP. Untuk menangani hal ini, tindakan kepimpinan fakulti adalah membuat permohonan waran dari masa ke masa, mengaji pensyarah separuh masa, pensyarah separuh masa sepenuh masa, dan melantik sarjana kreatif dari kalangan penggiat industri yang berkelayakan. Antara individu yang pernah [dilantik dari tempoh 2019 hingga kini adalah En Azmeer, Yusry Abdul Halim KRU, Vanidah Imran.](#)

Manakala, pensyarah PTFT dan pensyarah PT dilantik dikalangan pensyarah-pensyarah muda dan individu-individu yang berkemahiran tinggi daripada industri kreatif ([dilampirkan sampel urusan permohonan waran](#))

Manakala, melalui **Inisiatif 2 dan Inisiatif 3**, antara risiko pengintegrasian kursus dari lima pusat pengajian utama di FiTA adalah **pengkordinasian** projek-projek tahun akhir yang dinilai secara berasingan dan pementasan pada minggu KaryaOne. Dalam tempoh yang sama, turut terdapat kursus-kursus yang terlibat dalam **menguruskan acara minggu KaryaOne**. Untuk mewujudkan koordinasi antara kelima-lima pusat pengajian, mesyuarat-mesyuarat ([sampel minit mesyuarat KaryaOne dan gambar](#)) yang diketuai oleh Dekan Khas secara mingguan bersama semua pensyarah fakulti dan staff sokongan dilakukan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan PdP dan platform penilaian KaryaOne tercapai. Manakala, ‘Kalendar Akademik Fakulti’ yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Dekan ICAN/PJI dijadikan sumber rujukan utama bagi memastikan kelancaran perjalanan i-PAC ([Sampel Jadual Aktiviti](#))

Risiko berikutnya melibatkan **Inisiatif 4**, iaitu untuk mendapatkan jaringan bersama pihak industri bagi memenuhi mod pengajian *WBL 2u1i*. Penglibatan syarikat industri kreatif adalah wajib bagi menandatangani MOU/MOA dan memastikan pelajar FiTA mendapat *industrial placement* dalam tempoh satu tahun. Justeru Kepimpinan Kanan FiTA membuat ketetapan kepada kelima-lima pusat pengajian secara aktif mencari memastikan MoA/MoA dilaksanakan secara berterusan. Keaktifan FiTA menjalankan MoU/MoA dari dalam dan luar negara mendapat [liputan luas media dan juga pengiktirafan](#)

#### **SENARAI BUKTI :**

### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Penambahbaikan yang dilaksanakan (*ACT*) oleh Pengurusan Kanan FiTA untuk mengatasi masalah yang dikenalpasti adalah melalui:

- a) Unit Kualiti: Ketua Unit Kualiti juga berada di bawah Kumpulan Pengurusan Kanan FiTA. Melalui Unit Kualiti, penambahbaikan dibuat melalui: Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Fakulti, *Operational Excellence*, Audit Dalam yang dilakukan secara berkala. [Aktiviti di bawah Unit Kualiti FiTA](#) membolehkan Pengurusan Kanan FiTA yang membuat perancangan kawalan operasi, mengkaji kepuasan hati pelanggan, tindakan pembentulan
- b) *Continuous Quality improvement*: Dari sudut pengurusan akademik penambahbaikan dilakukan secara berterusan. Penambahbaikan ini termasuklah semakan kurikulum terhadap program sedia ada, [pemetaan semula MQF](#) berdasarkan dokumen terkini. Mesyuarat bersama industri dan survey alumni juga diwujudkan sebagai tindakan (*act*) yang dilakukan oleh pihak fakulti (link sampel dokumen berkaitan [semakan kurikulum](#), [pemetaan MQF](#)).
- c) [Mesyuarat WIP](#) menjadi tonggak utama penambahbaikan berterusan oleh pengurusan fakulti dan dipantau secara mingguan oleh pihak pengurusan FiTA. Antara isu utama yang sentiasa ditambahbaik adalah memastikan tenaga sumber manusia sentiasa

#### **SENARAI BUKTI :**

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Model i-PAC dan KaryaOne merupakan satu mekanisma yang secara terusnya melibatkan pengabungan dari pelbagai sudut. Ini termasuklah mengfokuskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan pendidikan secara formal dan praktikal yang melalui integrasi kursus-kursus utama dari pusat pengajian yang terdapat di FiTA

Manakala, Minggu KaryaOne yang dianjurkan merupakan platform penilaian dan pentaksiran yang melibatkan skala nasional. Di bawah inisiatif ini, pentaksiran alternatif diformulasikan bagi menilai projek akhir pelajar yang memberi penekanan kepada outcome based learning.

Projek-projek akhir pelajar ditaksir dan dipentaskan (showcased) melalui ‘ruang khas’ yang dikenali ‘KaryaONE Week (sila rujuk: <http://karyaone.com/about-karyaone/>). Menerusi platform KaryaOne Week, disamping dinilai, pelajar berpeluang memamerkan projek dan apresiasi kreatif yang dihasilkan kepada orang awam.

### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan FiTA dalam mencapai kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah agar turut berlandaskan objektif kualiti keseluruhan UiTM. Justeru, FiTA memastikan inovasi model kurikulum i-PAC (Integrated of Performing Arts Course) atau Kursus Bersepadu Seni Persembahan ini bermatlamat untuk mengasah bakat dan kemahiran para pelajar secara holistik dalam bidang masing-masing sebagai persediaan untuk mereka menempuh alam pekerjaan sebagai penggiat seni kreatif kelak. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, para pelajar telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program-program dibawah kursus-kursus yang terlibat dalam i-PAC dengan sokongan daripada para pensyarah dan seluruh warga FiTA. Para pelajar juga turut dinilai melalui kursus yang berkaitan dengan tugas yang akan mereka laksanakan menerusi sebuah program iaitu KaryaONE yang dijalankan pada minggu ke-14 sekaligus menilai karya serta projek akhir pelajar di peringkat fakulti. Walau bagaimanapun, menerusi program KaryaONE ini juga, hasil karya para pelajar dapat menyerlah dan diiktiraf bukan sahaja di peringkat Universiti namun juga di peringkat nasional. Hal ini kerana, melalui pendedahan dan platform ini para pelajar bukan sahaja dapat meluaskan pengetahuan dalam bidang masing-masing malah, sebagai membuka ruang kepada mereka untuk diperkenalkan dengan penggiat seni industri kreatif tanahair terkini. Pengamal dan pakar-pakar industri seni turut diundang sebagai pemerhati dan penilai kepada pelajar-pelajar sepanjang program KaryaOne ini. Pemantauan berterusan dilaksanakan oleh Pengurusan Tertinggi FiTA, Pensyarah serta seluruh staf FiTA untuk memastikan kesesuaian i-PAC yang menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang optimum. Segala perancangan aktiviti dan hebahan maklumat melibatkan program i-PAC dan KaryaONE akan dipamerkan di tempat strategik di fakulti, pejabat dan kampus cawangan. Selain itu, ianya juga dimuatnaik dalam website KaryaONE dan FiTA serta hebahan melalui media massa seperti siaran TV, website dan media sosial rujuk:

<https://www.thevoocket.com/minggu-karyaone-22-fita-sebuah-ruang-sinergi-yang-cukup-gah-dimata-uit>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/636021/tun-dr-siti-hasmah-serikan-program-malam-teguh-rasa-fit> ). Selain daripada itu, menerusi Mesyuarat Work in Progress serta JAF (Jawatankuasa Akademik Fakulti) juga memastikan pemantauan berterusan dalam bidang pengendalian keseluruhan program dan akademik. Model i-PAC telah mendapat pengiktirafan antaranya pingat Emas bagi kategori Inovasi di Innovation and Design IIINDEX 2018, memiliki hak cipta intelektual yang diiktiraf oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia serta Anugerah Telenovela Award (2018) Pembangunan Kreatif Negara. Bagi memastikan kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran FiTA terus selari dengan agenda misi dan visi Universiti, tindakan penambahbaikan turut diambil kira pada setiap perancangan FiTA menerusi model i-PAC dengan memastikan CLO (Course Learning Outcome) ataupun Hasil Pembelajaran Kursus yang diintergerasikan tercapai.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pengurusan FiTA sentiasa merancang dan mewujudkan proses-proses yang di dokument untuk memastikan keperluan pelanggan dipenuhi. Sehubungan dengan itu, antara inisiatif pendekatan perancangan operasi strategik seperti di dalam (Rujuk Manual Kualiti 9001:2015 FiTA, 8.1, p.31) menggariskan antaranya seperti; a) **Objektif dan keperluan kualiti bagi membangunkan produk yang mencerminkan kualiti produk FiTA;** dan, b) **Keperluan untuk menentukan proses yang terlibat, dokumen kualiti serta penyediaan maklumat dan sumber-sumber pengurusan korporat FiTA**, adalah sejajar untuk memastikan objektif strategik dilaksanakan dengan berkesan.

Bagi memastikan objektif Perancangan Strategik (PS) tercapai, FiTA **memilih Pengajaran dan Pembelajaran** sebagai bidang tumpuan di dalam pelaporan iAKNC pada tahun ini. FiTA akan menumpukan sebuah **model i-PAC (Integrated of Performing Arts Course)** atau **Kursus Bersepadu Seni Persembahan yang diformulasikan sebagai penilaian alternatif** yang komprehensif secara teori dan praktikal menerusi kursus-kursus pembelajaran dalam struktur kurikulum pelajar-pelajar di FiTA. Inisiatif i-PAC juga merupakan perancangan FiTA untuk mengukuhkan pedagogi dalam teras seni dan kemanusiaan yang bukan konvensional agar dapat mencapai; keberhasilan pelbagai dimana produk seperti sebuah filem, dapat dihasilkan melalui penggabungan kursus yang ditetapkan daripada lima program di FiTA serta; SLT (student learning time) dapat dioptimumkan melalui pengintegrasian dari kursus-kursus agar memberikan pendedahan secara holistik.

Pembudayaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan model i-PAC ini lazimnya menggunakan platform program acara festival seni tahunan FiTA yang telah diwujudkan sejak tahun 2010 iaitu program KaryaONE (rujuk <http://karyaone.com/>) yang telah melalui pelbagai penambahbaikan sehingga kini. Program yang berkonsepkan edu-entertainment dan art-entrepreneurship ini merupakan acara kesenian yang unik dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pembentukan kemahiran keusahawanan yang bersifat kreatif. Seterusnya, penganjuran acara kesenian sebegini juga membina pengukuhan atas FiTA dalam aspek pengajaran dan pembelajaran berdasarkan tiga teras Pelan Strategik UiTM iaitu; pendidikan berkualiti, kecemerlangan di peringkat global, dan prestasi berteraskan nilai.

Program KaryaONE yang bermatlamat untuk mengasah bakat dan kemahiran para pelajar dalam bidang masing-masing sebagai persediaan untuk mereka menempuh alam pekerjaan sebagai penggiat seni kreatif ini juga, membuka ruang kepada pelajar untuk memasuki industri seni kreatif tempatan dan antrabangsa. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, para pelajar telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program-program dengan sokongan daripada para pensyarah dan seluruh warga FiTA. Para pelajar juga turut dinilai melalui beberapa kursus yang berkaitan dengan tugas yang akan mereka laksanakan.

Inovasi model i-PAC terbukti melonjakkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran FiTA menerusi hasil pencapaian dan pengiktirafan karya-karya pelajar misalnya filem pendek berjudul MAMAT yang memenangi Anugerah Filem Pendek di FiTA Wave Short Film Awards 2019 (rujuk <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/fita-wave-short-film-awards-2019>) yang memberi impak di peringkat nasional, dengan kerjasama FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia), Yayasan Hasanah dan KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia)

### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
- 2.

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bagi memastikan kelestarian UiTM untuk berdaya saing di dalam dan luar negara serta terus kekal relevan, maka Program Transformasi UiTM dilaksanakan untuk mencapai sasaran Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), menghadapi cabaran dan mengoptimumkan peluang baharu serta melonjak ke tahap nilai tambah bagi meningkatkan kecemerlangan. Bersandarkan tema 'Melonjak UiTM Ke Persada Gemilang', usaha mentransformasikan universiti ini terus menerus dirancang dan diaplikasikan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan berdedikasi ke atas menunjukkan keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada agenda bangsa dan negara. Untuk menjayakan sasaran universiti sebagai 'Universiti Tersohor', sebanyak lima teras telah ditumpukan untuk diperkasakan oleh pihak pengurusan: Pengajaran dan Pembelajaran; Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan; Akademia, Industri dan Masyarakat; Kepimpinan, dan Keusahawanan.

Di dalam Hala Tuju Strategik untuk Pengajaran dan Pembelajaran, UiTM memberikan perhatian dan penekanan kepada penyediaan sumber, proses dan sistem sokongan yang mantap, terkini dan pelbagai untuk menyediakan peluang dan pilihan pengajian untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berilmu tinggi untuk memenuhi kriteria kebolehpasaran dan kebolehan atau kecenderungan menjadi majikan serta mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sebanyak 7 aspek telah diberikan penekanan daripada 11 Agenda Utama RMKe-11 UiTM iaitu kecemerlangan bakat; graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang; kepimpinan; menghayati pembelajaran sepanjang hayat; meletakkan UiTM di peta dunia; ekosistem inovasi; dan pembelajaran dalam talian tahap global. Oleh yang demikian, objektif strategik untuk Pengajaran dan Pembelajaran telah dinyatakan menerusi 4 elemen iaitu:

Menyediakan kurikulum dan pengalaman pendidikan tinggi bertaraf dunia - Fakulti Filem, Teater dan Animasi menekankan pendidikan fleksibel menerusi model i-PAC yang melibatkan gabungan kurikulum fleksibel, mod penyampaian yang fleksibel, meningkatkan kualiti pengalaman belajar menerusi pendekatan berbeza dalam bentuk pelan pengajian yang lebih bersesuaian dan relevan, dan meningkatkan penguasaan kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah, komunikasi, pembelajaran sepanjang hayat, keusahawanan, kepimpinan dan pengurusan yang diterapkan dan ditekankan di dalam program-program pengajian.

Mempertingkatkan kepelbagaian pengalaman pembelajaran yang berkesan – di samping membangunkan program sokongan dan mekanisme bagi memastikan para pelajar mampu bergraduat dalam tempoh, Fakulti Filem, Teater dan Animasi turut mengambil langkah bagi memperkasakan pelajar melalui pembelajaran berciri kendiri dan berdasarkan teknologi terkini, serta menggalakkan pengasahan bakat dan penglibatan dalam pertandingan seperti festival filem, festival seni persembahan, pertandingan inovasi dan seni kreatif.

Mempertingkat kemahiran dan kompetensi pensyarah – Fakulti Filem, Teater dan Animasi sentiasa memberi galakan dan dorongan untuk para pensyarah di dalam memperkasakan latihan penyampaian pengajaran berdasarkan pedagogi atau andragogi dan teknologi terkini. Ini dapat membantu para pensyarah Fakulti Filem, Teater dan Animasi di dalam memantapkan kebolehan rekabentuk kurikulum dan penyampaian pengajaran dan pembelajaran berteraskan penyelidikan dan ilmu terkini, terutamanya di dalam kerja-kerja praktikal yang senantiasa berubah mengikut peredaran teknologi.

Meningkat kualiti sistem sokongan pengajian dan pembelajaran serta menerapkan budaya berkongsi – Fakulti Filem, Teater dan Animasi berusaha menyediakan wadah perkongsian ilmu dan sinergi antara komuniti pensyarah, antara komuniti pelajar serta antara komuniti pensyarah dengan komuniti pelajar yang mudah diakses dan merentas bidang. Di sinilah para pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi mampu meningkatkan kebolehan dan bakat dalam di samping

menyerlahkan kecemerlangan di dalam bidang pendidikan sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan dan industri.

**SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Fakulti Filem, Teater, dan Animasi (FiTA) di UiTM berusaha untuk melibatkan dan menggabungkan sebilangan besar kursus akademik bagi memberi ruang kepada pelajar-pelajar untuk menghasilkan suatu projek akhir yang menggembangkan usaha dari lima pusat pengajian yang ditawarkan di FiTA. Hari ini, bidang kesenian dan kreativiti telah diiktiraf oleh World Economic Forum sebagai sektor penting menjelang tahun 2020, seiring dengan kepesatan teknologi dan peralihan ke revolusi Industri Keempat (I.R:4.0). FiTA telah mengembangkan dan menjenamakan pendekatannya dalam pengajaran dan pembelajaran dengan memperkenalkan Kursus Seni Persembahan Bersepada (i-PAC), di mana seni dan kreativiti tidak lagi didefinisikan sebagai bakat, tetapi kemahiran khas yang memerlukan pendidikan formal untuk dikembangkan. Oleh itu, kurikulum i-PAC yang inovatif dirancang untuk menggabungkan kedua elemen seni dan pendidikan formal dengan integrasi kursus terpilih dari lima pusat pengajian: teater, penulisan kreatif, pengurusan seni, filem dan animasi. Para pelajar berupaya untuk menghasilkan projek akhir yang komprehensif dan kreatif , selain menyediakan peluang untuk pelajar mempamerkan projek kreatif mereka kepada orang ramai. Pada masa yang sama, projek-projek yang dihasilkan boleh dikomersialkan, sekali gus menjana pendapatan untuk fakulti dan universiti.

Sebanyak 13 kod subjek ditawarkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 9 kod subjek ditawarkan di peringkat Diploma. Hasil dari kerjasama ini maka terhasillah beberapa projek seperti Filem Pendek, Drama TV, Dokumentari, Malam Kopi, Puisi dan Lagu, Honors Stage, Diploma Showcase dan Animation Kingdom.

Kesemua bukti bagi keterangan di atas boleh diakses di

<https://drive.google.com/drive/folders/1zNnF5zSJzwKDZLerp6LsrWMx2O-FtSEA?usp=sharing>

### **SENARAI BUKTI:**

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko yang boleh dikenalpasti yang boleh menjelaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; **risiko untuk mendapatkan bajet dan pertindihan penilaian kursus berdasarkan program yang dijalankan**. Kebanyakkan aktiviti yang dirangka dalam program KaryaOne menggunakan sumber kewangan fakulti dan sumbangan pihak luar. Namun, penglibatan tenaga kerja staf dan pelajar yang ramai, keperluan peralatan seperti LED, Stage Lighting, rekabentuk pentas dan kos-kos yang terlibat dalam menjayakan program KaryaOne merupakan antara faktor yang menjadi kekangan FiTA. Selain daripada itu, **limitasi fasiliti** seperti lokasi serta bangunan yang sesuai untuk menjalankan program dalam skala nasional turut menjadi salah satu risiko yang boleh menjelaskan pelaksanaan dan pencapaian objektif i-PAC.

Seterusnya, risiko pertindihan penilaian kursus berdasarkan program yang dijalankan juga diambil kira untuk memastikan setiap pelajar yang dinilai memperolehi SLT yang sepatutnya. Program KaryaONE yang diintegrasikan dalam kursus-kursus penilaian pelajar sentiasa dipantau agar sejajar dengan hasil pembelajaran untuk mengelakkan lebihan beban kerja kepada pelajar.

### **SENARAI BUKTI :**

1.

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Di Fakulti Filem, Teater dan Animasi, ahli pengurusan tertinggi yang diketuai oleh Dekan Dato' Profesor Ts Dr Abdul Razak Haja Mohaideen setiap minggu akan bermesyuarat pada hari Khamis atau Jumaat. Dikenali sebagai WIP (Work in Progress), mesyuarat yang turut dianggotai oleh Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Koordinator-koordinator, Penolong-penolong Pendaftar (Pentadbiran dan Hal Ehwal Akademik), Pegawai-pegawai Eksekutif (Pentadbiran dan Hal Ehwal Akademik), Penolong Pegawai IT dan Ketua Unit Teknikal. Keberkesanan mesyuarat WIP yang diadakan setiap minggu ini membolehkan pihak pengurusan Fakulti Filem, Teater dan Animasi menerima maklumbalas atau pelaporan dari Ketua Pusat Pengajian yang bertanggungjawab dengan subjek-subjek yang telah dipilih sebagai sebahagian dari struktur pembelajaran i-PAC. Pemantauan yang lebih berkesan dapat dilakukan apabila WIP diadakan kerana proses pembelajaran subjek-subjek i-PAC ini mampu membawa impak yang besar apabila hasil-hasil kerja oleh para pelajar bukan sahaja dapat disiapkan, malah dipertontonkan ke khalayak ramai, dan dapat dipertandingkan di festival-festival filem pendek.

Untuk tindakan penambahan kandungan subjek yang terpilih, JAF ataupun Jawatankuasa Akademik Fakulti bermesyuarat untuk melihat keberkesanan subjek-subjek yang terpilih. Para pensyarah subjek berkenaan akan memaklumkan kepada Ketua Pusat Pengajian masing-masing sekiranya wujud sebarang kekangan atau kekurangan ketika pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Penambahbaikan akan dibuat menerusi sistem AIMS dan resource person subjek-subjek berkenaan bertanggungjawab untuk mengubah kandungan bagi tujuan penambahbaikan. Perhatian diberikan di dalam aspek pentaksiran atau penilaian alternatif, keberkesanan pengintegrasian kandungan kurikulum dan penambahbaikan ruang pembelajaran yang lebih fleksibel bagi memastikan pentaksiran alternatif ini berkesan dan berjaya.

Kesemua bukti bagi keterangan di atas boleh diakses di

[https://drive.google.com/drive/folders/1Rp-OMkMtJls\\_R\\_XUbJCuYO7vvve4QBGh?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1Rp-OMkMtJls_R_XUbJCuYO7vvve4QBGh?usp=sharing)

### **SENARAI BUKTI :**

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pengurusan Kepimpinan Kanan FiTA bertanggungjawab untuk memastikan Visi FiTA adalah selaras dengan visi UiTM iaitu menjadi sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme Bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

Oleh itu, inovasi model i-PAC telah diintegrasikan oleh Kepimpinan Kanan FiTA sebagai satu amalan berasaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran peringkat Malaysia selari dengan Pelan Strategik UiTM yang mempunyai tiga teras iaitu pendidikan berkualiti; kecemerlangan di peringkat global; dan prestasi berteraskan nilai. Dalam mengerakkan hal ini, sesi pentaksiran turut melibatkan pemain industri yang turut menjadi penilai dan pemerhati kepada projek akhir pelajar sekaligus membuktikan kursus yang ditawarkan FiTA diiktiraf oleh pemain industri profesional. Justeru, FiTA percaya, rekabentuk kurikulum i-PAC digarap untuk mengangkat outcome based education dan kepelbagaiannya elemen pentaksiran ke tahap yang melangkaui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang konvensional. Kejayaan dan pengiktirafan pelajar menerusi hasil karya sama ada melalui perancangan projek, filem pendek serta animasi di peringkat nasional juga menunjukkan keberkesanannya proses pembelajaran ini.

(Rujuk Manual Kualiti FITA ISO 9001:2015 FiTA, 8.1, p.29)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [MANUAL KUALITI FITA\\_SISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Visi dan Objektif Fakulti Filem, Teater dan Animasi ([Visi dan Misi Fakulti](#)) adalah selaras dengan visi, misi dan objektif UiTM. FiTA akan menjadi sebahagian dari ‘sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme Bumiputra dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika’. FiTA juga berusaha ‘mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran Bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan’ (Merujuk kepada Manual Kualiti 9001:2015 FiTA, klaus 2.2 & 2.3 Visi Fakulti, ms. 8-9).

Selaras dengan misi dan visi fakulti, menerusi i-PAC, pelanggan, iaitu pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi dinilai dengan pendekatan merentas jabatan menerusi program Integrated Performing Arts Course (i-PAC). Program i-PAC ini melibatkan para pelajar untuk menjalankan projek dan penilaian merentasi program-program seperti Filem, Teater, Animasi, Penulisan Kreatif dan Penulisan Industri Kreatif (Rujuk 3.2 i-PAC).

Sebanyak 15 kursus dengan sejumlah 46 jam kredit terlibat dengan pelaksanaan program i-PAC pada setiap semester (Rujuk 3.3a Senarai CrissCross i-PAC). Para pelajar akan membuat perancangan dari awal semester bagi mempersiapkan diri dengan program-program yang bakal dianjurkan di bawah program i-PAC yang kebiasaannya dijalankan pada Minggu 13 setiap semester. Kesemua kursus ini akan didaftarkan di bawah sistem i-PAC sebagai sebahagian daripada penilaian yang akan diberikan kepada para pelajar. Ia adalah sebahagian daripada proses pembelajaran dengan memberi pendedahan terus pelajar dengan dunia sebenar. Sebelum pelaksanaan acara sebenar, para pelajar akan menjalani penilaian berterusan melalui kursus dalam kuliah masing-masing, dan mereka perlu membentangkan kemajuan perancangan (Plan) dalam satu sesi pembentangan i-PAC, yang dihadiri oleh para panel yang terdiri daripada pensyarah kursus masing-masing.

Antara program yang memerlukan integrasi para pelajar adalah Malam Promosi Filem, dan Pameran Cinephoto (anjuran Pusat Pengajian Filem); Teguh Rasa dan Magang Lakon (anjuran Pusat Pengajian Teater); Animation Kingdom dan FiTA Cosplayer (anjuran Pusat Pengajian Animasi); Wilayah Aksara dan Forum bersama Sasterawan Negara (anjuran Pusat Pengajian Penulisan Kreatif); Clash of Talents dan Neon Fit Party 3.0 (anjuran Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif); serta acara-acara utama anjuran fakulti yang melibatkan sepenuhnya tenaga pengajar dan pelajar fakulti seperti Wacana Seni, Majlis Amanat Dekan, MoU bersama Industri dan KaryaONE Awards 2019.

Kesimpulannya, program i-PAC menawarkan keunikan dan novelti yang tersendiri di mana ia menawarkan pengalaman sebenar bekerja ketika dalam sesi perkuliahan. Dengan cara ini, program i-PAC mampu membantu para pelajar untuk membina keyakinan dan kefahaman melalui pembelajaran dalam kursus mereka. Ia juga mendedahkan pelajar kepada permasalahan dan cabaran sebenar serta proses-proses penyelesaian masalah dan membuat keputusan, yang memerlukan kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran pemikiran kritikal.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

FiTA melaksanakan Integrated Performing Arts Course (i-PAC) yang bersifat multi-subjek bertindak sebagai pengukur pencapaian dan prestasi KaryaOne 2019 (3.2a iPAC). i-PAC berkonsep agar pelajar berupaya mencetuskan ‘kepintaran pelbagai’ (multiple intelligences) yang mendorong pelajar untuk mencapai kemahiran interpersonal,intrapersonal melalui persekitaran pembelajaran yang mengintegrasikan disiplin ilmu merentasi bidang (3.2b i-PAC\_Portfolio Pelajar). Dengan KaryaONE dan IPAC, pelajar sebagai pelanggan, bukan sahaja berpeluang mempraktikkan ilmu teori dan kemahiran, mereka juga dapat memamerkan hasil kerja mereka sebagai portfolio kepada wakil industri yang hadir ke acara-acara KaryaOne ([Karyaone 22 - Malam Teguh Rasa 2019 LIVE](#)). Sebagai SELF-DIRECTED LEARNERS atau Pembelajaran Terarah Kendiri, pelajar jurusan kesenian perlu terlibat secara aktif (active learning) yang mana pelajar berkeupayaan membuat perancangan, pemerhatian dan penglibatan bagi mencapai hasil pembelajaran secara berdikari. Ini secara tidak langsung telah membantu pembangunan kognitif dan afektif yang menggalakkan pembangunan aspek rohani dan mental. Pembelajaran mereka juga membudayakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan terkedepan melalui pengalaman yang mendorong pelajar membuat pilihan dan mengutarakan idea sendiri atau LEARNER’S CHOICE, LEARNER’S VOICE dalam memberi nilai signifikan untuk mendorong penjanaan ‘idea dan pemikiran’ baru berlandaskan piawaian profesional (3.2c Karyaone 22 - Malam Teguh Rasa 2019 LIVE.pdf).

Ini bertepatan dengan Edu5.0@UiTM dalam Ciri-ciri Pelan Strategik UiTM 2025 yang menetapkan Tiga Teras Utama iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai. “(Mantan) Naib Canselor UiTM Prof Emeritus Datuk Dr Ir Mohd Azraai Kassim menyatakan bahawa untuk mencapai pendidikan berkualiti, warga universiti perlu mendukung tema utama iaitu Pendidikan 5.0 UiTM, graduan holistik dan berteraskan keusahawanan serta aksesibiliti lebih meluas. Bagi teras kecemerlangan global, warga (universiti) perlu komited menjalankan penyelidikan transnasional, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan serta kerjasama pintar dengan industri, komuniti dan alumni. Teras ketiga pula prestasi berasaskan nilai warga UiTM yang perlu mencapai kecemerlangan bakat, tadbir urus tangkas, kampus pintar dan kewangan lestari,”

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [3.2a i-PAC.pdf](#)
2. [3.2b i-PAC\\_Portfolio Pelajar.pdf](#)
3. [3.2c Karyaone 22 - Malam Teguh Rasa 2019 LIVE.pdf](#)
4. [3.2d Tiga Teras UiTM.pdf](#)
5. [3.2e KaryaOne\\_Raikan\\_KARYA\\_PELAJAR\\_20tahun\\_Fita\\_UiTM\\_Agama\\_Utusan Online.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Keberkesanan sistem i-PAC, yang pada asalnya juga dipanggil sebagai Criss Cross telah terbukti apabila sistem ini diperluaskan kepada skop yang lebih meluas. Merujuk kepada sejarah awal Criss Cross, idea ini terguna pakai bagi para pelajar Pusat Pengajian Filem, di mana kursus-kursus Filem disilang-rentas antara semester bagi menjayakan projek filem pendek sehinggalah kepada malam penyampaian anugerah yang dipanggil Malam KaryaONE. Walau bagaimanapun, dengan berkembangnya fakulti yang menawarkan lebih banyak program dan pusat pengajian, maka idea Criss Cross ini diperluaskan kepada i-PAC (3.3a Senarai Subjek CrissCross i-PAC). Selain itu, perluasan i-PAC bukan hanya tertumpu kepada aspek perluasan merentasi program dan semester, malahan ia juga telah diperluaskan dari aspek penilaian. Bagi acara-acara seperti Animation Kingdom, Teguh Rasa, dan Wilayah Aksara, proses penilaian pelajar telah diperluaskan dengan menjemput (Do) para panel dari industri bagi memperlihat dan mempertontonkan karya-karya para pelajar secara terus kepada industri. Ini bagi memastikan kebolehpasaran graduan Fakulti Filem, Teater dan Animasi berada pada tahap yang tinggi. Perluasan juga menumpukan kepada aspek pendedahan karya pelajar kepada tontonan umum. Dengan pelaksanaan i-PAC di bawah bumbung Minggu KaryaONE, khalayak umum seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, badan kerajaan, syarikat serta industri telah dijemput bagi melihat sendiri dengan lebih dekat hasil karya para pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi yang dihimpunkan di satu ruang selama seminggu.

Hasilnya, program i-PAC telah memudahkan para pelajar untuk terus menjalankan jaringan dengan industri, dan seterusnya memudahkan proses mendapatkan penempatan latihan industri mahupun 2u1i Work Based Learning (WBL). Sebagai contoh, dalam acara Animation Kingdom, sesi penilaian Projek Akhir akan dijalankan bersama Panel Industri. Kebiasaannya, selepas sesi penilaian dijalankan, para pelajar akan terus ditawarkan tempat untuk latihan industri ataupun pekerjaan, mahupun tawaran-tawaran lain seperti kolaborasi antara pelajar dan industri. FiTA juga mengadakan MoU dengan industri dan institusi dalam dan luar negara untuk memastikan pelajar Work Base Learning (WBL) mendapat tempat di syarikat yang berkualiti. Pendekatan ini selaras dengan objektif fakulti yang ingin memastikan kebolehpasaran graduan mencapai lebih 90%. Graduan dan pelajar FiTA telah membuat kontak bersama wakil industri melalui aktiviti acara yang dijalankan berdasarkan i-PAC atau oleh projek-projek yang dianjurkan di bawah kursus yang terlibat. Kontak 100% bersama industri dilaksanakan melalui program WBL05 dan WBL06 (Work Based Learning) yang berdasarkan kriteria 2U1i (2 tahun di universiti, 1 tahun di industri). Sejumlah pelajar telah dikenal pasti keupayaan dan keserasiannya dengan objektif syarikat akan terus diambil sebagai pekerja. (3.3b Senarai Pelajar 2U1i FiTA-UiTM & Syt Yg Mengambil Pelajar Bekerja Oktober 2020).

#### **3.3.1 Inovasi Pembelajaran IPAC dan KaryaONE sebagai persediaan kepada 2u1i**

i-PAC dan KaryaONE memberi ruang pembelajaran yang fleksibel. Inovasi tersebut membudayakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan terkedapan melalui pengalaman pembelajaran secara "real learning" dan memberi nilai signifikan untuk mendorong penjanaan idea-idea baru oleh pelajar yang bertaraf professional. Pengalaman melalui ruang ini menjadi asimilasi pelajar untuk mengadaptasikan pembelajaran dan kemahiran di alam pekerjaan. Pelajar juga belajar bekerja bersama pensyarah yang berpengalaman di industri. Pengalaman dan perolehan informasi dari sumber primer ini menjadikan pelajar dan graduan 'mesra' industri

Fakulti Filem, Teater dan Animasi juga memandang serius tahap kebolehpasaran graduan, sama ada untuk tujuan penempatan latihan praktikal, WBL mahupun pekerjaan. Ia juga berkait rapat dengan kadar Graduate on Time (GOT) pelajar. Kadar GOT dalam kalangan pelajar FiTA adalah selaras dengan objektif fakulti yang mensasarkan sekurang-kurangnya 90% pelajar sepenuh masa bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (3.3.2 GOT). Sehubungan dengan itu, mereka juga mendapat faedah untuk berkecimpung dan mengisi himpunan tenaga modal insan industri kreatif bagi syarikat dan institusi yang berasaskan aktiviti dan produksi seni. Untuk merapatkan warga FiTA samada pelajar, staf atau alumni, KaryaONE dan IPAC telah merumuskan satu kolaborasi untuk membolehkan pelajar, pensyarah, wakil industri dan alumni bertemu dalam satu tempoh dengan pelbagai aktiviti. Aktiviti bukan sahaja dinilai malah elemen kemanusiaan iaitu berinteraksi dan berkomunikasi dalam suasana ilmuhan dan pekerjaan (Rujuk 3.3b Senarai Pelajar 2U1i FiTA-Uitm & Syt Yg Mengambil Pelajar Bekerja Oktober 2020). Beberapa kursus dan Final Year Project (FYP) dipersembahkan untuk menjadi portfolio yang dinilai oleh pensyarah dan industri.

telah terbukti apabila sistem ini diperluaskan kepada skop yang lebih meluas. Merujuk kepada sejarah awal Criss Cross, idea ini terguna pakai bagi para pelajar Pusat Pengajian Filem, di mana kursus-kursus Filem disilang-rentas antara semester bagi menjayakan projek filem pendek sehinggalah kepada malam penyampaian anugerah yang dipanggil Malam KaryaOne. Walau bagaimanapun, dengan berkembangnya fakulti yang menawarkan lebih banyak program dan pusat pengajian, maka idea Criss Cross ini diperluaskan kepada i-PAC (3.3a Senarai Subjek CrissCross i-PAC). Selain itu, perluasan i-PAC bukan hanya tertumpu kepada aspek perluasan merentasi program dan semester, malahan ia juga telah diperluaskan dari aspek penilaian. Bagi acara-acara seperti Animation Kingdom, Teguh Rasa, dan Wilayah Aksara, proses penilaian pelajar telah diperluaskan dengan menjemput (Do) para panel dari industri bagi memperlihat dan mempertontonkan karya-karya para pelajar secara terus kepada industri. Ini bagi memastikan kebolehpasaran graduan Fakulti Filem, Teater dan Animasi berada pada tahap yang tinggi. Perluasan juga menumpukan kepada aspek pendedahan karya pelajar kepada tontonan umum. Dengan pelaksanaan i-PAC di bawah bumbung Minggu KaryaONE, khalayak umum seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, badan kerajaan, syarikat serta industri telah dijemput bagi melihat sendiri dengan lebih dekat hasil karya para pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi yang dihimpunkan di satu ruang selama seminggu.

Hasilnya, program i-PAC telah memudahkan para pelajar untuk terus menjalinkan jaringan dengan industri, dan seterusnya memudahkan proses mendapatkan penempatan latihan industri mahupun 2u1i Work Based Learning (WBL). Sebagai contoh, dalam acara Animation Kingdom, sesi penilaian Projek Akhir akan dijalankan bersama Panel Industri. Kebiasaannya, selepas sesi penilaian dijalankan, para pelajar akan terus ditawarkan tempat untuk latihan industri ataupun pekerjaan, mahupun tawaran-tawaran lain seperti kolaborasi antara pelajar dan industri. FiTA juga mengadakan MoU dengan industri dan institusi dalam dan luar negara untuk memastikan pelajar Work Base Learning (WBL) mendapat tempat di syarikat yang berkualiti. Pendekatan ini selaras dengan objektif fakulti yang ingin memastikan kebolehpasaran graduan mencapai lebih 90%. Graduan dan pelajar FiTA telah membuat kontak bersama wakil industri melalui aktiviti acara yang dijalankan berasaskan i-PAC atau oleh projek-projek yang dianjurkan di bawah kursus yang terlibat. Kontak 100% bersama industri dilaksanakan melalui program WBL05 dan WBL06 (Work Based Learning) yang berasaskan kriteria 2U1i (2 tahun di universiti, 1 tahun di industri). Sejumlah pelajar telah dikenal pasti keupayaan dan keserasiannya dengan objektif syarikat akan terus diambil sebagai pekerja. (3.3b Senarai Pelajar 2U1i FiTA-Uitm & Syt Yg Mengambil Pelajar Bekerja Oktober 2020).

### 3.3.1 Inovasi Pembelajaran IPAC dan KaryaONE sebagai persediaan kepada 2u1i

i-PAC dan KaryaOne memberi ruang pembelajaran yang fleksibel. Inovasi tersebut membudayakan kaedah pengajaran dan pembelajaran vanu fleksibel dan terkedaban melalui

pengalaman pembelajaran secara "*real learning*" dan memberi nilai signifikan untuk mendorong penjanaan idea-idea baru oleh pelajar yang bertaraf professional. Pengalaman melalui ruang ini menjadi asimilasi pelajar untuk mengadaptasikan pembelajaran dan kemahiran di alam pekerjaan. Pelajar juga belajar bekerja bersama pensyarah yang berpengalaman di industri. Pengalaman dan perolehan informasi dari sumber primer ini menjadikan pelajar dan graduan 'mesra' industri

### 3.3.2 EMPLOYABILITY GRADUAN

Fakulti Filem, Teater dan Animasi juga memandang serius tahap kebolehpasaran graduan, sama ada untuk tujuan penempatan latihan praktikal, WBL maupun pekerjaan. Ia juga berkait rapat dengan kadar Graduate on Time (GOT) pelajar. Kadar GOT dalam kalangan pelajar FiTA adalah selaras dengan objektif fakulti yang mensasarkan sekurang-kurangnya 90% pelajar sepenuh masa bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (3.3.2 GOT). Sehubungan dengan itu, mereka juga mendapat faedah untuk berkecimpung dan mengisi himpunan tenaga modal insan industri kreatif bagi syarikat dan institusi yang berasaskan aktiviti dan produksi seni. Untuk merapatkan warga FiTA samada pelajar, staf atau alumni, KaryaOne dan IPAC telah merumuskan satu kolaborasi untuk membolehkan pelajar, pensyarah, wakil industri dan alumni bertemu dalam satu tempoh dengan pelbagai aktiviti. Aktiviti bukan sahaja dinilai malah elemen kemanusiaan iaitu berinteraksi dan berkomunikasi dalam suasana ilmuwan dan pekerjaan (Rujuk 3.3b Senarai Pelajar 2U1i FiTA-UiT & Syt Yg Mengambil Pelajar Bekerja Oktober 2020). Beberapa kursus dan Final Year Project (FYP) dipersembahkan untuk menjadi portfolio yang dinilai oleh pensyarah dan industri.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.3a Senarai Subjek CrissCross i-PAC.pdf](#)
2. [3.3b Senarai Pelajar 2U1i FiTA-UiT & Syt Yg Mengambil Pelajar Bekerja Oktober 2020.pdf](#)
3. [3.3.2 Data GOT.pdf](#)
4. [3.3.2c Putri Purnama Sugua FFF Grant Winner.pdf](#)
5. [3.3.2d Tumpuan Pelanggan-Manual Kualiti.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan modul i-PAC ini sentiasa kekal relevan dengan kebolehpasaran graduan dan kehendak industri, beberapa bentuk pemantauan (Check) telah dilakukan. Dengan bentuk pemantauan yang dijalankan, Fakulti Filem, Teater dan Animasi telah mengukur tahap keberkesanan modul i-PAC yang telah dijalankan, selain pengukuran dibuat berdasarkan kejayaan pelajar dan maklum balas alumni, yang menjadi bukti kejayaan modul terbabit.

#### **3.4.1.1 Students' Feedback Online Survey (SuFO)**

FiTA mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran menggunakan sistem atas talian SuFO (3.4.1.1 SuFO Apps [UiTM SuFO - Apps on Google Play](#)). Sistem ini mengukur persembahan pengajaran dan pembelajaran, kandungan dan infrastruktur. Ia digunakan kerana pengumpulan data yang efisien, dinamik, mesra pengguna, kos paling rendah, tepat dan cepat. Kejayaan modul i-PAC boleh dilihat melalui maklum balas pelanggan (pelajar) yang terlibat dengan kursus-kursus yang telah didaftarkan di bawah modul i-PAC

#### **3.4.1.2 Maklum Balas Pemegang Taruh**

Antara klien utama FiTA adalah para pemegang taruh (stakeholders). Mereka seringkali bekerjasama rapat dengan FiTA melalui modul i-PAC dengan menyertai acara-acara di bawah modul ini, seperti MoU Bersama Industri dan juga sebagai panel penilai bagi Projek Tahun Akhir Animasi dalam acara Animation Kingdom (3.4.1.2 MOU FiTA 2019 - 2022 Dalam & Luar Negara). Kelestarian jumlah syarikat yang menyertai MoU bersama FiTA adalah bukti keyakinan pihak industri untuk bekerjasama dengan FiTA. Selain itu, Panel Industri yang dijemput akan sentiasa memberi maklum balas kepada kualiti hasil kerja pelajar yang telah dihasilkan. Kaedah ini dilihat sebagai salah satu bentuk pemantauan supaya kualiti pelajar sentiasa dititik beratkan, selain hubungan FiTA dengan industri sentiasa terjalin.

#### **3.4.1.3 Maklum Balas Alumni**

FiTA sentiasa dekat bersama alumni FiTA. Acapkali acara diadakan FiTA menjemput dan dikunjungi alumni samada di acara langsung atau acara virtual. Jemputan dan bahan berita terkini dipaparkan di media sosial fakulti dan UiTM. Capaian ini dapat ditelusuri di [Faculty Of Film, Theatre & Animation \(UiTM\)](#), [TEATER FITA](#), [Creative Writing FiTA, UiTM - Home](#), [Pengurusan Industri Kreatif Fakulti Filem Teater dan Animasi](#), [Animation Kingdom](#) dan [Fita Postgraduate Society - Home](#). Alumni FiTA juga dapat dikesan di akhbar dan media sosial perkembangan pekerjaan mereka (3.4.1.3 Alumni\_Ain Sufia muhul pelbagaiakan bakat seni - Buletin Malaysia).

#### **3.4.1.4 Kejayaan Pelajar FiTA**

Pelajar FiTA sentiasa menghasilkan kejayaan dari penyertaan pertandingan dan aktiviti dalam dan luar negara (3.4.1.4a Kejayaan Pelajar FiTA). Hasil daripada pembelajaran secara real-event experience melalui modul i-PAC, pemantauan terhadap hasil direkodkan menerusi kejayaan pelajar FiTA. KaryaONE juga menjadi platform pelajar mencipta kejayaan (3.4.1.4b KaryaONEktiraf Karya Pelajar). FiTA juga memperoleh kejayaan penyertaan karya pelajar di Wave Awards 2021 [MALAM ANUGERAH FITA WAVE AWARDS 2021](#).

- 
1. [3.4.1.1 SuFO Apps UiTM.pdf](#)
  2. [3.4.1.2 MOU FiTA 2019 - 2022 Dalam & Luar Negara.pdf](#)
  3. [3.4.1.3 Alumni\\_Ain Sufia mahu pelbagaikan bakat seni - Buletin Malaysia.pdf](#)
  4. [3.4.1.4a Kejayaan Pelajar FiTA.pdf](#)
  5. [3.4.1.4b KaryaOne Iktiraf Karya Pelajar.pdf](#)

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FiTA mengadakan sesi post mortem apabila tamat acara untuk memastikan semua urusan berkaitan dengan acara diselesaikan. Mesyuarat berterusan (perancangan dan mengenal pasti risiko) bersama pensyarah, pelajar, penaja atau pemegang taruh diadakan secara berkala atau mengikut keperluan. Pengurusan risiko-risiko yang berlaku atau diramalkan didaftarkan dalam kursus dan bahan rujukan kursus untuk memastikan waspada dan pengurusan alternatif dilakukan pada setiap semester, Makluman dan peringatan dimasukkan dalam kalender akademik.

FiTA mengadakan MOU dengan sejumlah syarikat dalam industri kreatif untuk menyalurkan pembelajaran Work Base Learning 2u1i. Fakulti menetapkan standard dan benchmark kepada industri agar selaras dengan objektif FiTA (3.4.2.a Senarai MOU FiTA). Calon WBL dapat membuat pilihan penempatan latihan praktikal dari senarai MOU. Di Minggu KaryaONE, acara menandatangani MoU FiTA ([Karyaone 22- MoU Bersama Industri 2019](#)) dan syarikat industri kreatif bukan sahaja melaksanakan meterai dokumen malah acara tersebut telah dilaksanakan oleh staf dan pelajar FiTA. Di hujung acara, majlis diteruskan dengan sesi temuramah syarikat bersama pelajar berpotensi (3.4.2b Pelajar dan Industri MoU). Dengan adanya inovasi pembelajaran menerusi IPAC, yang mana para pelajar dan pensyarah bekerjasama rapat dengan pihak industri, telah mampu untuk mencapai salah satu objektif fakulti yang ingin memastikan kadar kebolehpasaran siswazah melebihi 90% berjaya dilaksanakan (3.4.2c Pelajar 2u2i UiTM & Syarikat Yang Telah Mengambil Pelajar Bekerja Oktober 2020).

Selain daripada itu, sebagai tindakan mengenal pasti risiko, FiTA telah mengamalkan penggunaan Kalendar Aktiviti (3.4.2d Kalendar Aktiviti) yang perlu diisi oleh para pensyarah pada setiap semester. Dalam Kalendar Aktiviti ini, setiap acara yang dirancang bakal berlangsung sepanjang semester (sama ada di bawah modul i-PAC atau tidak) akan dipenuhi oleh setiap pensyarah yang menguruskan setiap acara. Tujuannya adalah supaya acara yang dijalankan tidak bertembung dengan acara lain. Ini juga bagi memastikan tahap kehadiran pelajar pada tahap maksimum. Selaras dengan konsep i-PAC, setiap pelajar FiTA, walaupun daripada berlainan pusat pengajian, mereka perlu menghadiri setiap aktiviti yang dijalankan, bagi menambah pengetahuan luar bidang mereka. Teknik mengenal pasti risiko seperti ini telah berjaya memaksimalkan kehadiran serta berjaya menjadikan setiap acara yang dirancang mampu diurus dengan baik dengan jumlah tenaga pengajar dan pelajar yang mencukupi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.4.2a Senarai MOU FiTA.pdf](#)
2. [3.4.2b Pelajar dan Industri MoU.pdf](#)
3. [3.4.2c Senarai Pelajar 2U1i FiTA-Uitm & Syt Yg Mengambil Pelajar Bekerja Oktober 2020.pdf](#)
4. [3.4.2e ProgramKaryaOne2018.pdf](#)

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pihak Kepimpinan Kanan FiTA sentiasa peka terhadap penambahbaikan yang perlu dijalankan, terutamanya apabila melibatkan kebijakan akademik dan kebijakan pelajar. disebabkan kejayaan modul i-PAC telah terbukti, maka Kepimpinan Kanan FiTA telah mengambil keputusan untuk menambah baik modul sedia ada dengan mengembangkan acara utama, Minggu KaryaONE kepada WAVE Awards.

WAVE Awards adalah satu bentuk pertandingan bagi video pendek, animasi dan tari, ditaja oleh Yayasan Hasanah dan FINAS ([WAVE Awards 2021: FiTA, Yayasan Hasanah & Finas Seru Fahami Norma Baharu Melalui Pertandingan Karya Filem Pendek & Tarian](#)). Dengan menggunakan konsep yang hampir sama dengan acara KaryaONE, WAVE Awards membuka ruang penyertaan kepada peserta dari luar, dengan beberapa kategori seperti pelajar sekolah, pelajar IPT dan kategori terbuka ([Anugerah filem pendek FiTA Wave bukti karya tempatan terbaik](#)). Dengan adanya penganjuran WAVE Awards dengan kekerapan sekali dalam setahun, para pelajar dengan lebih banyak telah didedahkan dengan penganjuran yang bukan sahaja bertaraf universiti, tetapi penganjuran bertaraf nasional.

Kejayaan pertandingan WAVE Awards telah mendapat keyakinan daripada pihak pengajur. Bukti, Yayasan Hasanah telah bersetuju untuk menaja WAVE Awards untuk kali yang ke dua iaitu Wave Awards 2. Keyakinan ini adalah rentetan daripada kejayaan pasukan FiTA dengan gabungan pensyarah- pelajar - industri dalam penganjuran Minggu KaryaONE sebanyak 23 kali, serta kejayaan penganjuran yang telah dijalankan pada pertama kali yang lalu, berteraskan modul i-PAC yang begitu berintegrasi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.4.3a FiTA Wave Awards 2019.pdf](#)
2. [3.4.3b FiTA Wave Awards 2021.pdf](#)
3. [3.4.3c FiTA WAVE AWARDS AT FITA TV.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Merujuk kepada objektif FiTA ( [Visi dan Misi Fakulti](#)), i-PAC dan KaryaONE menjadi pusat setempat untuk pelajar, alumni, industri, ilmuwan dan masyarakat bertemu dan berkumpul untuk menyaksikan perkembangan pembelajaran dan peningkatan kualiti ilmu serta praktis pelajar sama ada secara fizikal atau digital. Inovasi Real Learning bukan semata menyediakan pelajar dari segi pengetahuan dan praktis malah memecahkan tembok kontak kepada penggiat industri kreatif dan seni persembahan.

Konsep kedua acara tersebut telah menjadi '*a melting pot*' untuk budaya, ilmu, teori dan penggiat seni dan pentadbir seni duduk semeja menghasilkan idea dan usahasama keilmuan atau usahawan (3.5a Pelajar dan Industri MoU). Sungguhpun Covid-19 menjarakkan pelajar dari kampus alami dan warga akademik pelajar dan pensyarah, namun pertemuan ODL telah menghasilkan inovasi acara dan sesi pertemuan digital di pelbagai platform media sosial, live streaming, Google Meet, Webex sebagai contoh [About FiTA Virtual Day](#).

Merujuk kepada acara FiTA WAVE Awards (<https://www.waveawards.my/>) yang dijalankan baru-baru ini, kaedah pengurusan acara telah bertukar strategi dari pengurusan acara secara langsung kepada pengurusan acara secara Maya. Dengan adanya acara seperti ini yang berteraskan modul i-PAC, para pelajar dengan segera perlu mengadaptasi kaedah terbaru penganjuran acara, akibat daripada penularan pandemik COVID-19 ini. Secara tidak langsung, FiTA telah memastikan bahawa para pelajar mempelajari teknik baharu dalam pengendalian acara, selaras dengan permintaan semasa. Maka, tiada istilah bahawa para pelajar FiTA ketinggalan dalam penggunaan teknologi dan peralatan terkini. Ini bermakna, dengan penggunaan modul i-PAC ini, sebarang perubahan dunia, tidak kira perubahan persekitaran, kesihatan, teknologi dan peralatan, modul i-PAC tetap fleksibel dan relevan untuk diaplikasikan.

Hasilnya, apabila para pelajar perlu menjalani Latihan Praktikal ataupun setelah bergraduasi, mereka telah melalui sepenuhnya pengalaman dan teknik baharu. Maka, ketika mereka di industri kelak, meka tidak akan kekok menggunakan teknik baharu tersebut, ataupun mereka adalah orang yang bakal mencadangkan kepada syarikat teknik terkini yang perlu digunakan

Pentas dan arena digital ini memaksa pensyarah dan pelajar mengadaptasi norma baru bersosial, belajar di monitor pixel. Terpisah tidak bermakna tidak berjumpa. Mesyuarat bersama industri tetap berjalan lancar samada di platform digital atau panggilan telefon untuk mencapai objektif kursus.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.5a Pelajar dan Industri MoU.pdf](#)
2. [3.5b FiTA Virtual Open Day – UiTM News Hub.pdf](#)
3. [3.5c Wave Awards 2021 tawar hadiah RM33,000.pdf](#)
4. [3.5d FVOD.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan PdP KaryaOne 2019 adalah menggunakan Modul i-PAC Integrated Performing Arts Course. i-PAC menggabungkan pendidikan secara formal dan praktikal melalui integrasi kursus-kursus utama dan 5 program di Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA). Kaedah penilaian i-PAC adalah bersifat pentaksiran alternatif. Di mana kod pengukuran dan analisis adalah terhadap projek akhir pelajar melalui Outcome Based Learning (OBE) setiap subjek yang terlibat di bawah i-PAC. Justeru, instrumen pengukuran dan pemantauan KaryaOne 2019 yang menjadi fokus kajian IAKNC FiTA, adalah menggunakan dua kod KPI. KPI Universiti dan KPI Nasional. Oleh yang demikian hasil yang diperolehi akan berfungsi sebagai data yang akan digunakan sebagai strategi perancangan tindakan penambahbaikan KaryaOne di masa hadapan.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Minggu KaryaOne 2019 bermatlamat untuk mengasah bakat dan memberikan kemahiran kepada para pelajar dalam bidang masing-masing sebagai persediaan untuk mereka menempuh alam pekerjaan sebagai pengiat seni kreatif kelak. Oleh itu hasil pengajaran dan pembelajaran di institusi mestilah berasaskan kepada pengeluaran hasil. Sehubungan dengan itu, para pelajar yang terlibat akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mengendalikan program-program Minggu KaryaOne 2019. Pendekatan pengukuran bagi Minggu KaryaOne 2019 adalah berdasarkan kepada penilaian alternatif yang bersifat komprehensif terhadap projek akhir pelajar yang berhasil dari kolaborasi interdisiplinari yang terdapat dalam rangka inisiatif i-PAC. Iaitu berkaitan dengan perancangan awal i-PAC yang dirujuk kepada rasional projek: 1) Pentaksiran Alternatif (penilaian), 2) Pengintegrasian kandungan kurikulum, 3) Ruang pembelajaran yang fleksibel. Dua kaedah pengukuran utama digunakan untuk mengukur KaryaOne 2019 berdasarkan kepada penilaian alternatif i-PAC ini iaitu:

- a) Pengukuran pencapaian berdasarkan Outcome Based Education (OBE)

Pengukuran terhadap pendekatan pendidikan berasaskan pembentukan hasil pembelajaran yang memfokuskan kepada apa yang pelajar faham dan mampu dilakukan selepas pembelajaran. Di peringkat subjek, pengukuran terhadap Outcome Based Learning menggunakan penilaian berdasarkan rubrik yang telah ditetapkan bagi memastikan mencapai *course learning outcome*. Sementara di peringkat program dan di Fakulti Filem, Teater dan Animasi khususnya, penilaian berasaskan praktikal atau *project base assessment* merupakan kaedah yang digunakan untuk mengukur hasil-hasil berbentuk teknikal, praktikal dan idea kreatif. Pengukuran tersebut harus mencapai kepada objektif pembelajaran program (programme educational objectives -PEO) dan selari dengan hasil program (programme Learning outcomes – PLO).

- b) Pengukuran pencapaian berdasarkan hasil kolaborasi interdisiplinari.

Pengukuran terhadap pendekatan pendidikan secara praktikal yang hasilnya adalah berdasarkan penghasilan karya kreatif pelajar dan penglibatan pelajar secara komprehensif. Pengukuran pencapaian merujuk kepada 3 proses utama iaitu pra produksi, produksi dan pasca produksi. Proses ini merupakan petunjuk kepada penglibatan dan pencapaian pelajar secara aktif (*active learning*) dan pembelajaran secara *real learning*. Petunjuk ini menuntut pelajar melakukan perancangan, pemerhatian, penglibatan dan menjana idea dan pemikiran baharu pada aras professional bagi mencapai keseluruhan hasil pembelajaran.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [KETERLIBATAN PELAJAR DALAM IPAC.pdf](#)
2. [IPAC CRISS CROSS SUBJECT program baru.xlsx - SKRIN.pdf](#)
3. [MAPPING PEO PLO FF237 \(COURSE ASSESSMENT FMP422\).pdf](#)
4. [SRR INSTRUCTIONAL METHOD.pdf](#)
5. [IPAC.pdf](#)

#### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

KaryaOne 2019 diukur melalui kaedah/metodologi modul i-PAC (Integrated Performing Arts Course), menggunakan pengukuran penilaian pentaksiran alternatif. Dua kod KPI digunakan sebagai penilaian, kekerapan data dikumpulkan dan analisa konsep PdP KaryaOne 2019. Dua kod KPI iaitu KPI Universiti dan KPI Nasional, adalah instrument pengukuran bagi tujuan hasil atau outcome konsep PdP KaryaOne 2019 dan juga bertindak sebagai mekanisme kebolehpasaran graduan FiTA di peringkat Nasional dan juga Global.

##### **1. KPI Universiti**

Pentaksiran alternatif i-PAC yang bersifat komprehensif digunakan sebagai instrumen penilaian PdP KPI universiti KaryaOne 2019. Bersifat penilaian produk projek akhir pelajar yang memberi penekanan terhadap outcome based learning (OBE) yang merujuk kepada rubric setiap subjek. Di mana ia melibatkan kursus dari lima program: Program Filem, Program Animasi, Program Penulisan Kreatif, Penulisan Pengurusan Industri Kreatif dan Program Teater.

##### **2. KPI Nasional**

i-PAC melalui platform KaryaOne 2019, khususnya FiTA Awards Night, (malam penganugerahan) yang bersifat malam penganugerahan filem bertindak sebagai instrumen pengukuran PdP KaryaOne 2019 untuk KPI Nasional. Kaedah penilaian pengukuran pencapaian dan prestasi projek akhir adalah melalui penilaian bersifat penjurian dari kalangan pensyarah bukan subjek yang terlibat dibawah subjek i-PAC yang juga merupakan key players dalam industri seni kreatif dan juri festival seni kreatif peringkat nasional dan global.

KPI Universiti dan KPI Nasional menyumbang kepada pembentukan pendekatan penilaian dari aspek kebolehpasaran graduan dan kemampuan projek akhir tersebut bersaing ke peringkat Nasional dan global.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Penilaian Alternatif\\_i-PAC\\_compressed \(1\).pdf](#)
2. [KPI Nasional i-PAC-1\\_compressed.pdf](#)
3. [Modul KPI Universiti\\_compressed.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan biasanya melibatkan proses dalam sesebuah organisasi manakala pengetahuan berkaitan dengan daya kognitif. Oleh itu perluasan pengetahuan dapat di tafsirkan sebagai satu pendekatan yang bersistematis untuk mengenal pasti, memperolehi, membangun, berkongsi dan mengekalkan pengetahuan bagi mencapai objektif yang lebih spesifik.

Oleh itu pengukuran, analisa dan perluasan pengetahuan ‘Pelajar FITA’ boleh terjejas jika tidak mengfokuskan kepada perluasan pengetahuan secara mutlak. Berdasarkan penilaian progress setiap tahap proses pembangunan i-PAC yang mengikut Course Information (rujuk Bukti 1) dan Assesment (rujuk Bukti 2), menjadikan i-PAC telah memenuhi keperluan operasi perluasan pengurusan pengetahuan yang berkesan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran khususnya di FITA. Anjuran i-PAC yang bersifat multi-subjek, bukan sahaja membangunkan ‘Modul Pembangunan Pengetahuan’ (Kognitif) malahan memperluaskan psikomotor dan afektif pelajar melalui 5 mekanisme seperti *coaching mentoring*, teknologi dalam pengurusan, integriti dalam PdP, budaya *lessons learned* dan aspek penyeliaan dalam PdP. (rujuk Bukti 3)

Pelaksanaan i-PAC telah berjaya menyediakan penyebaran pengurusan pengetahuan secara komunikasi dengan semua pihak melalui aliran sistem sepetimana perincian pencapaian perluasan pengurusan pengetahuan berikut;

- (i) Memupuk budaya *Lessons Learned* - PdP yang diperolehi daripada pengalaman yang baik ataupun sebaliknya.
- (ii) Memupuk nilai-nilai murni dan berintegriti - Integriti dalam PdP berkait rapat dengan akauntabiliti. Akauntabiliti merujuk kepada tanggungjawab pensyarah mendidik pelajar dalam pencapaian akademik serta membentuk potensi pelajar secara menyeluruh.
- (iii) Penggunaan teknologi dalam pengurusan, pengajaran dan pembelajaran (PdP)
- (iv) Pemantauan dan penyeliaan - proses ini berlaku dalam aspek penyeliaan (PdP)
- (v) Bagi memastikan pelajar sentiasa dapat melaksanakan tugas dengan cemerlang, proses ‘*coaching mentoring*’ dilaksanakan melalui proses bimbingan dan tunjuk ajar perkongsian bersama

Justeru itu, perluasan pengurusan pengetahuan adalah sangat penting dengan mengambil kira faktor proses perkongsian dan pemindahan pengetahuan sepanjang i-PAC. Ianya memerlukan komitmen bukan saja daripada pihak pengurusan Tertinggi Universiti dan Fakulti tetapi juga dari kalangan kakitangan akademik, kakitangan bukan akademik dan pelajar.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Bukti 1.pdf](#)
2. [Bukti 2.pdf](#)
3. [Bukti 3.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko penghasilan i-PAC telah memberi impak sebagai kesan pada matlamat pembangunan projek ini. Risiko tersebut samaada positif atau negatif dan diikuti oleh penggunaan sumbernya secara konsisten didapati secara jelas pada fasa idea reka bentuk dan juga penghasilan i-PAC. Beberapa piawaian pengurusan risiko telah dibangunkan termasuk dalam konteks pengurusan pengetahuan semasa pembangunan i-PAC iaitu berdasarkan ‘risiko boleh datang dari ketidaktentuan dalam kejayaan mahupun kegagalan sesebuah projek’. Berikut adalah tiga komponen utama dan justifikasi kepada risiko pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan tersebut iaitu,

- (i) menggambarkan sebuah model ‘pembelajaran hibrid’ di mana pendekatan pengajaran teoritikal secara bersemuka dan aktiviti pembelajaran praktikal secara elektronik melalui pengaplikasian gabungan pendidikan blended learning dan e-learning ketika fasa idea reka bentuk i-PAC. Rujuk Bukti 1.
- (ii) berlakunya sifat fleksibiliti dengan menggalakkan gabungan PdP melalui proses integrasi kursus-kursus diantara 5 program FiTA. Kaedah dan prinsip pembelajaran kolaboratif ini melibatkan kombinasi berganda kepada risiko pembangunan idea reka bentuk i-PAC untuk melengkapi penghasilan akhir i-PAC. Rujuk Bukti 2.
- (iii) kaedah penilaian i-PAC yang bersifat pentaksiran alternatif amatlah berisiko kerana pengetahuan pentaksir amat penting dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran. Menurut David Payne, 2003 pentaksiran adalah kombinasi antara tiga proses iaitu proses mengumpul, menginterpretasi maklumat dan membuat keputusan berdasarkan kepada hasil dari interpretasi. Oleh itu, kaedah penilaian i-PAC ini menjadi berisiko sekiranya pihak berautoriti menentukan hasil pentaksiran kepada keputusan yang jauh daripada matlamat pembangunan projek. Maka segala idea reka bentuk i-PAC perlu melalui proses penyusunan semula (*restructuring*) berdasarkan ulasan dan pemarkahan juri. Rujuk Bukti 3

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 1 Pengurusan Risiko.pdf](#)
2. [Bukti 2 Pengurusan Risiko.pdf](#)
3. [Bukti 3 - Lantikan Panel Juri - Cik Vanidah Imran.pdf](#)
4. [Bukti 4 - BORANG JURI i-PAC\\_compressed.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Fakulti Filem, Teater dan Animasi perlu sentiasa komited dan konsisten dalam melihat peluang dan melakukan penambahbaikan kepada penganjuran KaryaOne bagi mencapai visi, misi serta objektif fakulti dan visi serta misi universiti. Prosedur penambahbaikan KaryaOne adalah berdasarkan input daripada peringkat program pengajian, Jawatankuasa KaryaOne (jawatankuasa staf dan jawatankuasa pelajar) dan Fakulti. Prosedur mengkaji semula dan penambahbaikan ini melibatkan mekanisme seperti di bawah:

a) Peringkat Jawatankuasa KaryaOne

Jawatankuasa KaryaOne dibahagikan kepada dua iaitu jawatankuasa utama (terdiri dari staf akademik dan pentadbiran) dan jawatankuasa pelajar (terdiri dari pelajar dari lima program yang terlibat secara projek/subjek). Prosedur mengkaji semula dilakukan melalui mesyuarat jawatankuasa secara berkala sewaktu proses perancangan, persiapan dan perlaksanaan KaryaOne. Juga melalui *post mortem* setelah KaryaOne dilaksanakan. Semua ahlijawatankuasa terlibat dalam menganalisa cabaran, penyelesaian masalah dan cadangan penambahbaikan dalam menjenamakan KaryaONE seterusnya.

b) Peringkat Fakulti

Prosedur mengkaji semula KaryaOne, melibatkan warga fakulti serta pemain industri yang bertindak sebagai penilai, juri dan pemerhati. Prosedur mengkaji semula dan penambahbaikan dilakukan berdasarkan pencapaian KPI yang dilaporkan dalam *Self Review Report* (SRR)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [POST MORTERM IPAC KARYAONE 2019.pdf](#)
2. [SRR ACADEMIC DEVELOPMENT AND MANAGEMENT .pdf](#)
3. [SRR INSTITUTIONAL SUSTAINABILITY.pdf](#)
4. [SRR INVOLVEMENT OF STAKEHOLDER.pdf](#)
5. [CARTA ORGANISASI KARYAONE AJK PELAJAR..pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Konsep PdP KaryaOne 2019 melalui kaedah i-PAC membentuk satu pengintegrasian bidang ilmu secara interdisipliner-multidisipliner yang bertindak sebagai signifikansi kepada pendekatan yang holistik terhadap pelajar dan juga tenaga pengajar. Signifikasi impak terhadap melalui KPI Universiti dan KPI Nasional adalah bercabang kepada tiga pencirian hasil. Pertama, ruang pembelajaran bidang industri seni kreatif yang berasaskan kepada scenario sebenar. Bersifat realistik dan skill kemahiran ‘hands on experience’. Kedua kebolehpasaran graduan FiTA di peringkat nasional dan global dan ketiga, kebolehsaingan projek akhir pelajar di peringkat nasional dan global. Justeru, impak KaryaOne 2019 melalui kaedah PdP melalui pendekatan modul i-PAC, berfungsi sebagai satu bentuk inovasi PdP baru di peringkat pengajian tinggi, khususnya dalam bidang industri seni kreatif.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Intergrasi i-PAC.pdf](#)
2. [Inovasi dan Anugerah -Sijil TELENOVELA\\_compressed.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Penumpuan pada bahagian ini membincangkan pada aspek pengurusan sumber manusia yang merupakan salah satu faktor penting dalam memacu kejayaan sesebuah organisasi.

Pengurusan pusat sumber manusia yang terancang amat penting dalam meningkatkan kecekapan sesebuah organisasi sentiasa di prestasi yang optimum. Terdapat pecahan Model 5P dalam pengurusan sumber manusia menurut Randall S. iaitu merangkumi Tujuan (Purpose), Prinsip (Principles) , Proses (Processes), Manusia (People) dan Prestasi (Performance).

Konsep Model 5P ini telah meluas digunakan dan menjadi modul utama dalam mentadbir urus sesebuah organisasi menurut M. G. Pryor, C. White, dan L. Toombs dalam tahun 1998.

Pengurusan sumber manusia di Fakulti Filem Teater dan Animasi (FiTA) amat menitik berat pada semangat berpasukan dari seluruh warga fakulti meliputi penglibatan staf akademik, staf pentadbiran serta kerjasama bersama para pelajar serta jalinan erat bersama pihak industri luar dalam pembentukan sebuah pasukan yang dinamik.

Staf fakulti terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran yang dilantik secara tetap ataupun kontrak. Staf akademik terdiri daripada Profesor, Professor Madya, Pensyarah dan Penolong Pensyarah. Fakulti juga mempunyai staf akademik kontrak dalam bidang tertentu. Beberapa pelantikan Sarjana Kreatif dari industri turut menyertai FiTA sebagai pelestarian pembelajaran yang seiring dengan kehendak industri kreatif. [SUMBER MANUSIA DI FITA](#)

Pelaksanaan Minggu KaryaOne di FiTA melalui pengaplikasian model i-PAC adalah satu inisiatif fakulti dalam menyahut saranan dan cabaran UiTM dalam menjadi sebuah fakulti yang cemerlang dan mampu menjana pendapatan sendiri. Ianya merupakan satu pembelajaran berbentuk artepreneur (art and entrepreneurship) yang melibatkan para pensyarah, para pelajar dan seluruh warga fakulti dalam mengetengahkan dan memamer kreativiti pelajar sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan sebagai penggiat kreatif kelak. Para pelajar terlibat di dalam mengendalikan program-program di KaryaOne melalui penilaian beberapa kursus yang berkaitan tugas yang diberikan untuk mereka laksanakan

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

### **5.2 FiTA dan Pembangunan Sumber Manusia Industri Kreatif**

Sumber Manusia dan Pentadbiran Fakulti Filem, Teater dan Animasi terdiri daripada pengurusan dan pentadbiran fakulti yang menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan perkhidmatan staf FiTA. Bagi mencapai amalan tadbir urus yang baik, Bahagian Sumber Manusia di fakulti telah dibahagikan kepada beberapa bahagian/unit iaitu Pentadbiran, Hal Ehwal Akademik dan Hal Ehwal Pelajar yang boleh dirujuk di dalam carta alir berikut, rujuk [Carta Organisasi Staf FiTA](#). Di bahagian sumber manusia juga boleh dilihat pengurusan tata kerja yang sangat teliti mengukur bidang kepakaran setiap jabatan bagi membantu kelancaran sesuatu program. Ini juga salah satu kaedah pengurusan dan pentadbiran untuk mewujudkan sumber manusia sebagai satu proses asimilasi nilai dalam industri seni persembahan dan kreatif. FiTA juga komited dalam membantu mencapai pengurusan sumber manusia yang cemerlang dengan menyediakan staf akademik dan staf sokongan yang dapat memberikan impak yang positif. Jumlah Staf Akademik bertaraf tetap (2020) adalah seperti berikut mengikut jabatan seperti Pusat Pengajian Filem 14 orang, Pusat Pengajian Penulisan Kreatif 12 orang, Pusat Pengajian Teater 14 orang, Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif 10 orang dan Pusat Pengajian Animasi 13 orang dan pelantikan Sarjana Kreatif bagi membantu perjalanan kuliah dan sebagai penasihat acara di fakulti [Academic Staff Directory](#) dan seterusnya staf Pengurusan bertaraf tetap seperti Penolong Pendaftar 2 orang dan Staf sokongan 24 orang

#### **5.2.1 Sumber Manusia dan Carta Organisasi FiTA**

Objektif Sumber Manusia Industri Kreatif Fakulti Filem, Teater dan Animasi adalah untuk menjadikan sistem pengurusan dan pentadbiran berupaya untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang melalui pelaksanaan dan pengurusan sumber manusia industri kreatif yang terbaik. Profesionalisme, Integriti dan Sistematik dalam menguruskan penglibatan staf dalam setiap program juga diberikan perhatian bagi melancarkan perjalanan sesuatu acara dan merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah diluluskan oleh bahagian pengurusan dan pentadbiran bagi membantu kelancaran sesuatu program agar dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Perkara ini boleh dirujuk melalui jawatankuasa pengurusan tertinggi di dalam carta ini [Carta Organisasi Pengurusan Tertinggi FiTA](#) bagi memahami perjalanan setiap program yang perlu melalui mesyuarat pengurusan bagi sebarang kelulusan.

Penglibatan kursus-kursus pengajaran dan pembelajaran dan secara langsung di dalam setiap acara di dalam program KaryaOne 2019 dapat dilihat secara terus melalui penyusunan acara [Tentatif Program KaryaOne 22](#) yang telah diletak sepanjang program ini berlangsung. Minggu KaryaOne yang diadakan secara tahunan yang diwujudkan sebagai platform mempamerkan bakat dan hasil seni kreatif para pelajar kepada umum. Bagi memberikan pendedahan yang lebih holistik, pendekatan IPAC diperkenalkan dalam membudayakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan terkedapan melalui pengalaman pembelajaran secara "real learning" yang memberi nilai signifikan untuk mendorong penjanaan idea-idea baru oleh pelajar yang berstandarkan professional, rujuk [Sinopsis Program KaryaOne 22](#). Pengurusan dan perjalanan program IPAC telah memperlihatkan kepakaran dan bakat staf dalam pengendalian acara yang diadakan setiap tahun ini. Kecekapan menguruskan dan menyelesaikan permasalahan dapat dilihat sepanjang program ini berlangsung sekaligus mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan teratur. Pemantauan staf dan pelajar dalam menyelia setiap aktiviti dan pergerakan menjadi teratur dengan adanya AJK yang telah dilantik dikalangan staf dan pelajar bagi setiap acara.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [Carta Organisasi Staf FiTA.pdf](#)

2. [Carta Organisasi Pengurusan Tertinggi FiTA.pdf](#)
3. [Tentatif Program KaryaOne 22.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Jawatankuasa dan Perlantikan AJK Karyaone 2019 bertujuan untuk melancarkan aktiviti dan program yang telah dirancang dan diuruskan dengan cekap dan terbaik oleh semua staf pentadbiran dan akademik [Jawatankuasa KaryaOne 22](#). Ahli Jawatankuasa yang telah dilantik dikalangan staf adalah bertujuan untuk memantau perjalanan setiap program dan memastikan setiap acara berjalan dengan lancar. i-PAC merupakan final projek bagi pelajar filem semester 3 bagi untuk menghasilkan sebuah filem pendek yang dibimbing oleh staf yang mempunyai kepakaran dalam pengendalian program ini. Pelajar-pelajar daripada jabatan yang berbeza dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menghasilkan filem pendek seterusnya menjayakan program ini. Minggu KaryaONE 2019 adalah tempat filem pendek ini dipertontonkan kepada khalayak ramai. Filem pendek tersebut juga dipertandingkan pada Malam Gala Anugerah Karyaone Awards 2019. Setiap hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome) bagi setiap kursus memerlukan pelajar menghasilkan sebuah projek berbentuk seperti filem pendek, animasi atau pementasan teater dan bagi memastikan setiap Course Learning Outcome tercapai, kursus ini akan diintegrasikan dengan kursus-kursus lain seperti contoh berikut [Contoh Hasil Pembelajaran Kursus\(Course learning Outcome\)](#).

Penjenamaan semula program i-PAC dapat membantu dalam kelancaran melalui pentaksiran alternatif, pengintegrasian kandungan kurikulum dan memberikan ruang pembelajaran yang fleksibel. Setiap Staf yang dilantik adalah melalui jabatan yang berbeza bagi membantu mencapai matlamat dalam mewujudkan silang bidang tumpuan dalam penghasilan projek oleh pelajar. Secara konseptualnya, inisiatif i-PAC diformulasikan agar berupaya mencetuskan ‘kepintaran pelbagai’ (multiple intelligences) yang mendorong pelajar untuk mencapai kemahiran interpersonal, intrapersonal melalui persekitaran pembelajaran yang mengintegrasikan disiplin ilmu merentasi bidang rujuk [Keberhasilan Program IPAC](#).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Jawatankuasa KaryaOne 22.pdf](#)
2. [Contoh Hasil Pembelajaran Kursus\(Course learning Outcome\).pdf](#)
3. [Keberhasilan Program IPAC.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan dan pengukuran analisa pelaksanaan Minggu KaryaOne melalui model i-PAC yang melalui integrasi antara subjek-subjek dan pusat pengajian adalah berteraskan kepada Outcome-Based Learning (OBE). Segala pemantauan dan semakan diadakan secara berkala oleh pihak pengurusan kanan fakulti, timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Koordinator-koordinator, Penolong-penolong Pendaftar (Pentadbiran dan Hal Ehwal Akademik), Pegawai-pegawai Eksekutif (Pentadbiran dan Hal Ehwal Akademik), Penolong Pegawai IT dan Ketua Unit Teknikal. Keberkesanan mesyuarat yang diadakan setiap minggu ini membolehkan pihak pengurusan Fakulti Filem, Teater dan Animasi menerima maklumbalas atau laporan dari Ketua Pusat Pengajian yang bertanggungjawab dengan subjek-subjek yang telah dipilih sebagai sebahagian dari struktur pembelajaran i-PAC

Terdapat beberapa lapisan proses pemantauan yang turut diamalkan di FiTA

1. Pengakreditasi Program Akademik FiTA
2. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)
3. PROPENS
4. SuFO & CDL -CQI
5. Mesyuarat Mingguan KaryaOne

#### **Pengakreditasi Program Akademik FiTA**

Melalui pengurusan kanan FiTA yang diketuai Timbalan Dekan Akademik dan barisan ketua Pusat Pengajian adalah berperanan dalam memastikan setiap pelaksanaan dan kandungan kurikulum yang dijalani di fakulti memenuhi kriteria akreditasi bagi memastikan output produk adakah diiktiraf dan boleh dikembangkan ke peringkat global.

#### **Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)**

Ahli jawatankuasa yang terdiri dari pihak pengurusan kanan fakulti bersama Ketua Pusat Pengajian ini memantau keputusan akhir para pelajar pada setiap semester. Peratusan pemarkahan lulus dan gagal dibentang untuk mengenal pasti permasalahan yang boleh diperbaiki dari segi pengajaran mahupun pembelajaran. Jawatankuasa Akademik Fakulti bermesyuarat untuk melihat keberkesanan subjek-subjek yang terpilih. Para pensyarah subjek berkenaan akan memaklumkan kepada Ketua Pusat Pengajian masing-masing sekiranya wujud sebarang kekangan atau kekurangan ketika pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Penambahbaikan akan dibuat menerusi sistem AIMS dan resource person subjek-subjek berkenaan bertanggungjawab untuk mengubah kandungan bagi tujuan penambahbaikan. Perhatian diberikan di dalam aspek pentaksiran atau penilaian alternatif, keberkesanan pengintegrasian kandungan kurikulum dan penambahbaikan ruang pembelajaran yang lebih fleksibel bagi memastikan pentaksiran alternatif ini berkesan dan berjaya.

#### **PROPENS**

Para pensyarah dipantau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di dalam kelas secara berkala. Perancangan kaedah pembelajaran juga dilihat semasa proses pemantauan dan sudut pandangan pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran dari pensyarah jalankan turut disemak.

#### **SuFO dan CDL-CQI**

Ahli jawatankuasa OBE seperti pada lampiran akan membincang membuat keputusan dan menguruskan dokumen program dan hal-hal berkaitan OBE berdasarkan peraturan yang

berkuatkuasa serta perlu mendapat akreditasi penuh dari MQA. Pada awal dan penghujung semester para pelajar akan mengisi borang SuFO untuk ahli jawatankuasa menilai keberkesanannya pembelajaran yang telah dijalankan dalam subjek-subjek kursus.

#### Mesyuarat Minggu KaryaOne

Dalam memastikan kelancaran Minggu KaryaOne dijalankan, mingguan mesyuarat KaryaOne dilaksanakan bagi melihat kepada perancangan, penstrukturkan dan proses dari setiap bahagian yang terlibat. Pengurusan kanan fakulti terlibat secara tidak langsung bersama pelaksana yang terdiri daripada staf, dan pelajar. Mesyuarat mingguan ini penting kerana pelaksanaan Minggu KaryaOne adalah berbentuk kolaborasi interdisiplinari antara lima pusat pengajian yang terdapat di FiTA iaitu filem, teater, pengurusan seni, penulisan dan animasi.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [JAWATANKUASA JAF OBE PROOPEN.pdf](#)
2. [MINIT MESYUARAT PROPENS.pdf](#)
3. [AGENDA MESYUARAT KARYAONE 2019.pdf](#)
4. [AHLI JAWATANKUASA KARYAONE.pdf](#)
5. [5.3\(a\) \(2\).pdf](#)

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Hasil daripada penjenamaan semula i-PAC telah menerima maklum balas yang sangat positif terhadap program program yang dijalankan sewaktu Minggu KaryaOne [Poster Program IPAC](#). Para jemputan yang hadir juga amat berpuas hati dengan tayangan filem-filem pendek yang berjalan sepanjang hari bagi mempamerkan hasil kerja pelajar yang berintegrasikan bidang ilmu secara interdisiplinari-multidisiplinari yang memberi signifikasi kepada pendedahan yang holistik kepada pelajar dan tenaga pengajar. Minggu karyaone yang diadakan setiap tahun juga memerlukan sumber kewangan yang berterusan bagi menampung setiap program yang dijalankan [Master Penyata Kewangan Minggu KaryaOne 22](#). Walaubagaimanapun terdapat kekangan di dalam sumber kewangan untuk disalurkan kepada setiap acara. Perkara ini dapat diatasi dengan penubuhan Jawatankuasa Penajaan dan Hadiah bagi mengumpulkan dana kewangan dan juga tajaan yang dapat menampung perjalanan setiap program. Sumber tajaan juga yang datang daripada syarikat seperti sewaan peralatan membantu dalam menjayakan acara ini setiap tahun. Penganjuran Karyaone akan dapat dilihat keseluruhannya pada Malam Gala Karyaone [Poster Malam Gala KaryaOne 22](#) dimana setiap penaja akan dijemput untuk hadir bagi acara penganugerahan kepada pelajar. Perancangan belanjawan sangat penting bagi memastikan setiap aspek dapat dilakukan.

Seterusnya terdapat beberapa cabaran lain yang dialami oleh jabatan teknikal namun berjaya diselesaikan dengan bantuan semua staf jabatan dengan jayanya. Masalah Live Streaming di mana terdapat isu pada awalnya kerana alamat IP UiTM dan juga alamat IP vendor adalah tidak sama tetapi dengan adanya bantuan teknikal UiTM bersama staf fakulti yang bertugas, isu ini berjaya diatasi dan masalah live streaming dapat diatasi dengan kadar segera. Kelancaran program ini sangat bergantung kepada ketangkasian staf dalam menangani masalah dan isu yang timbul agar setiap acara dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, terdapat juga masalah Internet (youtube) yang mengalami gangguan dimana talian tidak stabil dan juga isu copyright lagu, jadi pihak teknikal memutuskan untuk merakam seperti biasa dalam MCP namun bukan dijalankan secara live streaming rujuk [POST-MORTEM - KaryaOne 22](#). Setiap masalah yang berlaku dapat diatasi dengan kadar yang segera apabila peranan sumber manusia yang lancar dapat membantu dalam kelancaran suatu program. Hasil mesyuarat yang diadakan dan perbincangan bersama Ahli Jawatankuasa sebelum berlangsungnya acara sedikit sebanyak memberikan impak yang positif apabila setiap staf yang ditugaskan dapat menjalankan tugas dengan cemerlang.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Keberhasilan Program IPAC.pdf](#)
2. [Master Penyata Kewangan Minggu Karyaone 22.pdf](#)
3. [Poster KaryaOne 22 Awards.pdf](#)

#### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Mekanisma utama yang digerakkan oleh kepimpinan FiTA untuk mengkaji dan tindakan penambahbaikan adalah melalui mesyuarat Work in Progress (WIP) yang dikendalikan secara mingguan dan dihadiri oleh Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Ketua Pascasiswazah, Koordinator Kursus Fakulti, dan Profesor bersama ketua-ketua pentadbiran dan unit teknikal. Para pensyarah di bawah pusat pengajian masing-masing akan memaklumkan kepada ketua pusat pengajian akan sebarang permasalahan yang dikenalpasti untuk dibincangkan oleh ahli WIP. Penambahbaikan akan dibuat menerusi sistem AIMS dan resource person subjek-subjek berkenaan bertanggungjawab untuk mengubah kandungan bagi tujuan penambahbaikan. Perhatian diberikan di dalam aspek pentaksiran atau penilaian alternatif, keberkesanan pengintegrasian kandungan kurikulum dan penambahbaikan ruang pembelajaran yang lebih fleksibel bagi memastikan pentaksiran alternatif ini berkesan dan berjaya.

Selain itu pemantauan pelaksanaan Minggu KaryaOne yang dijalankan sentiasa dipantau dan dikaji semula untuk melihat keberkesan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk masa hadapan. Hal ini dibincangkan secara khusus di dalam mesyuarat Post Mortem KaryaOne yang akan diadakan selepas program selesai dijalankan. Segala maklum balas, cadangan penambahbaikan serta kemajuan pelaksanaan program akan dimajukan dan dibentangkan di dalam mesyuarat dari setiap bahagian mengikut setiap acara yang telah dijalankan.

Beberapa ahli jawatankuasa di fakulti juga bertanggungjawab dalam mengkaji semula dan melihat kepada penambahbaikan bagi memastikan aktiviti pembelajaran di FiTA cemerlang dan sistematik.

Ahli jawatankuasa ini dilantik dan dari kalangan pengurusan tertinggi fakulti dan ahli akademik. Antara jawatankuasa yang berperanan penting untuk skop ini adalah, Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Jawatankuasa Pemantauan Professionalism Pensyarah (PROPENS) dan Jawatankuasa Outcome Based Education (OBE).

Barisan pemain industri juga bertindak sebagai penilai, juri dan pemerhati sepanjang Minggu KaryaOne berlangsung disamping melibatkan keseluruhan warga fakulti. Hasil pelaporan dimasukkan di dalam Self Review Report (SRR).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [LAPORAN POST MORTEM KARYAONE.pdf](#)
2. [JAWATANKUASA JAF OBE PROPENS.pdf](#)
3. [SRR ACADEMIC DEVELOPMENT AND MANAGEMENT .pdf](#)
4. [SRR INSTITUTIONAL SUSTAINABILITY.pdf](#)
5. [SRR INVOLVEMENT OF STAKEHOLDER.pdf](#)

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pelaksanaan model i-PAC didalam Minggu KaryaOne yang memfokuskan pengajaran dan pembelajaran melalui gabungan pendidikan secara formal dan praktikal dengan integrasi dari kursus-kursus utama program di FiTA telah melangkaui pembelajaran yang konvensional. Pendedahan kepada pendidikan berkonsepkan art entrepreneur ini secara tidak langsung telah menjadi platform untuk mengembangkan dan memperkenalkan barisan pelapis generasi baru yang akan memasuki industri kreatif. Keseluruhan PdP Minggu KaryaOne ini telah membentuk ilmu secara interdisipliner-multidisipliner sebagai satu signifikasi kepada pendekatan yang holistik untuk pelajar dan barisan pensyarah dengan kepakaran masing-masing.

Barisan kepimpinan kanan FiTA sentiasa memastikan kualiti kecemerlangan pendidikan di peringkat global. Penglibatan pemain industri turut dijemput untuk menjadi penilai dan pemerhati kepada hasil kerja para pelajar hasil dari inovasi model i-PAC. Ini bagi membuktikan keberkesan dan impak kerjasama yang erat antara pihak universiti bersama pihak industri sama ada dalam negara maupun luar negara. Jemputan tetamu terhormat VVIP juga diundang oleh fakulti sebagai pemerhati dan penilai hasil kerja para pelajar. Barisan tenaga pengajar di FiTA juga diiktiraf di peringkat negara dan pendidikan di fakulti adalah berteraskan kepada pembelajaran bersama pakar bidang.

Pusat pengajian Animasi

Jemputan rektor dan timbalan Universitas Amikom, Yogyakarta, Indonesia iaitu Prof Dr. H. Mohamad Suyanto, M.M. dan Erik Hadi Saputra sebagai panel jemputan yang diundang untuk Animation Kingdom.

Pusat Pengajian Teater

YABHG Tun Dr Siti Hasmah sebagai tetamu kenamaan VVIP untuk program Teguh Rasa

Keberkesan model i-PAC di Minggu KaryaOne telah mendapat pengiktirafan antaranya pingat Emas bagi kategori Inovasi di Innovation and Design IIDEX 2018, memiliki hak cipta intelektual yang diiktiraf oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia serta Anugerah Telenovela Award (2018) Pembangunan Kreatif Negara

### **SENARAI BUKTI :**

1. [FiT A INDUSTRIAL CONNECTION.pdf](#)
2. [JAWATANKUASA Model I-PAC.pdf](#)
3. [ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN FITA.pdf](#)
4. [KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN PELAJAR IPAC.pdf](#)
5. [KEJAYAAN DAN HASIL INTERGRASI DI FITA.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bahagian operasi dalam kertas kerja ini akan menumpukan kepada pendekatan yang digunakan, perluasan yang lakukan, pemantauan terhadap pendekatan yang telah dipilih dan akhir sekali mengenal pasti pengurusan risiko sebagai tindakan kepada operasi. Bagi melihat keseluruhan operasi, kriteria enam ini memilih untuk mengaplikasikan teori Bruce Tuckman dalam menggambarkan keseluruhan proses tumpuan iaitu acara tahunan, Minggu KaryaOne.

Teori Bruce Tuckman yang diperkenalkan pada tahun 1965 ini memperkenalkan tahap-tahap perkembangan kelompok yang terbahagi kepada 4 tahap iaitu *Forming* (Pembentukan), *Storming* (Konflik), *Norming* (Normalisasi) dan *Performing* (Bekerja). Kemudian pada tahun 1977, Bruce Tuckman bergandingan dengan Mary Ann Jensen menemukan satu lagi tahap iaitu *Adjourning* (Pembubaruan) sebagai tahap ke 5.

Berdasarkan 5 tahap perkembangan ini, ia menggambarkan gerak kerja suatu organisasi yang telah dibahagikan kepada kelompok-kelompok tertentu dalam menyelesaikan masalah atau mencapai sesuatu objektif projek. Sejajar dengan kertas kerja bahagian operasi Minggu KaryaOne, teori ini dilihat memiliki konsep yang sama dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran menerusi kerja lapangan. Tahap-tahap tersebut ialah:

- i) Tahap Pembentukan (Forming)
- ii) Tahap Konflik (Storming)
- iii) Tahap Normalilasi (Norming)
- iv) Tahap Bekerja (Performing)
- v) Tahap Pembubaruan (Adjourning)

Teori Bruce Tuckman (1965) ini dilihat sebagai satu modul kecekapan terhadap pengoperasian Minggu KaryaOne dari segi keterlibatan pengetahuan praktikal terhadap apa yang telah dipelajari dalam bilik kuliah, membentuk kemahiran kendiri, menjadikan pelajar lebih kreatif dan memperbaiki kemahiran diri melalui praktikal. Ini adalah kerana, pelajar melalui proses pembelajaran secara teori sepanjang minggu kuliah dan di Fakulti Filem, Teater dan Animasi ini merupakan pengajaran ilmu kemahiran. Kefahaman pelajar terbentuk dengan sempurna setelah mempraktikkan sendiri teori yang telah dipelajari.

Hal ini dikenalpasti melalui subjek-subjek yang ada di setiap program masing-masing. Dari subjek yang telah direka pada tahap struktur kurikulum, subjek-subjek yang pelajar akan lalui dari semester satu hingga enam berbentuk satu pola memperkenalkan asas pelajaran hingga lengkap kepada penghasilan produk. Kerana itulah didapati sesetengah subjek di Fakulti Filem, teater dan Animasi, pelajar boleh menghasilkan sendiri projek di dalam kelas.

Idea penganjuran Minggu KaryaOne ini pula adalah gabungan kepada beberapa subjek lain membentuk kepada satu penganjuran majlis berskala besar. Pengoperasian Minggu KaryaOne ini dianjurkan secara tahunan iaitu di hujung tahun, sekitar November ke Disember dan berlangsung selama satu minggu. Kerana itulah ia dikenali dengan nama Minggu KaryaOne memandangkan acara yang dimuatkan dalam projek ini mengambil masa selama seminggu tanpa henti. Selama satu minggu itu juga, setiap slot dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan pusat pengajian masing-masing dan di sini, pelajar yang bertanggungjawab akan mengisi slot dengan kemahiran subjek yang telah dipelajari. Antara slot kecil dari pusat pengajian masing-masing, turut menjadi perhatian ialah acara di pentas utama yang disusun mengikut kesesuaian dan selama satu minggu tersebut, pentas tidak pernah dibiarkan kosong tanpa acara. Berikut ialah lampiran kepada jadual penganjuran Minggu KaryaOne yang berlangsung selama satu minggu.



## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

### **6.2.1. Pengenalan pendekatan praktikal dalam pembelajaran.**

Melihat kepada pendekatan bidang tumpuan yang dipilih ini, ia berkaitan rapat dengan struktur kurikulum yang ada dari lima pusat pengajian Fakulti Filem, teater dan Animasi. Walaupun kelima-lima pusat pengajian ini dilihat sebagai satu unit yang tersendiri, namun ia sebenarnya berkait dan boleh bekerja serentak dalam satu-satu acara. Oleh itu, konsep *criss-cross* telah dilihat sebagai satu pendekatan praktikal yang baru dalam mewujudkan satu proses pembelajaran.

Berdasarkan lampiran, terdapat beberapa subjek yang dilihat boleh bergabung dengan subjek-subjek pusat pengajian lain dan membentuk kepada sebuah hasil (*output*) di hujung pengajian. sebagai contoh, Rajah 6.2. di bawah adalah gambaran bagaimana proses berlaku.

#### **Rajah 6.2 (a) Struktur Subjek Criss-Cross**

Hasil daripada pendekatan criss-cross ini, tahap pembentukan (*forming*) dari teori Bruce Tuckman telah terhasil di mana lebih banyak acara boleh dihasilkan. Seperti dalam rajah di atas, acara pertandingan nyanyian merupakan hasil (*output*) yang ingin dicapai. Proses membentuk acara pertandingan nyanyian ini memerlukan kemahiran merancang dan mengorganisasikan daripada Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif, rakaman kamera berbilang daripada Pusat Pengajian Filem, skrip untuk pengacara daripada Pusat Pengajian Penulisan Kreatif dan banyak lagi kemahiran lain yang boleh digabungkan dalam mencapai hasil sesebuah acara. Maka, dari sini idea acara Minggu KaryaOne telah terhasil di mana ia sebuah acara yang berskala lebih besar dan pada masa yang sama menyumbang banyak manfaat kepada pihak pelajar untuk mempraktikan teori dipelajari hingga ke peringkat pelajar.

Pendekatan operasi kepada acara tahunan Minggu KaryaOne ini pula memerlukan tahap pembentukan yang lebih besar dan terperinci. Oleh itu, setiap kali acara tahunan ini akan diadakan, maka satu jawatankuasa khusus akan dibentuk. Jawatankuasa ini melibatkan kesemua staf akademik, staf pentadbiran dan semua pelajar daripada Fakulti Filem, Teater dan Animasi dalam merangka proses kelangsungan Minggu KaryaOne.

#### **Lampiran 6.2 (b) Senarai Ahli Jawatankuasa Minggu KaryaOne**

#### **Lampiran 6.2 (c) Senarai Ahli Jawatankuasa Pelajar**

Jawatankuasa induk yang terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran akan bertindak sebagai penggerak utama yang menasihati serta membantu para pelajar melaksanakan acara masing-masing. Pembentukan jawatankuasa di peringkat pelajar turut dibentuk bagi melancarkan perlaksanaan operasi yang seterusnya juga.

Tahap konflik (*storming*) dari teori Bruce Tuckman akan dilihat berfungsi sepenuhnya di peringkat ini kerana semua perancangan, percanggahan dan peleraian akan terhasil. Operasi di tahap konflik ini merupakan satu peringkat yang penting dalam memastikan acara akhir tidak mengalami sebarang masalah yang besar.

#### **Lampiran 6.2 (d) Minit Mesyuarat Minggu KaryaOne.**

Pembentukan jawatankuasa ini dibentuk secara konsep *criss-cross* di mana keterlibatan dalam menjayakan sesuatu acara menggabungkan beberapa bahagian dan pihak. Para pelajar akan dipantau oleh para pensyarah yang sudah dilantik dalam melaksanakan bahagian tugas masing-masing. Setelah itu, para pelajar akan berhubung dengan sesama mereka dan juga pelajar dari pusat pengajian lain seperti pelajar dari bahagian penulisan yang membuat skrip acara, akan berhubung dengan pelajar dari pusat pengajian pengurusan seni kreatif dan pusat pengajian filem bagi merancang perjalanan acara. Begitu juga dengan acara-acara lain yang memerlukan mereka untuk bekerjasama dalam proses yang dikenali '*criss-cross*'.

### **6.2.2. Hubungan sumber manusia dalam operasi**

Hubungan sumber manusia dalam operasi pula merangkumi keterlibatan staf akademik, staf pentadbiran dan juga para pelajar dalam menjayakan pelan induk Minggu KaryaOne.

Perhubungan tiga hala ini berdasarkan subjek-subjek yang telah dikenalpasti untuk terlibat dalam mana-mana bahagian sepanjang minggu penganjuran.

Konsep kerjasama ini juga sama seperti yang telah diterangkan di atas tetapi untuk bahagian ini ia merangkumi hubungan yang lebih luas dan besar. Ini termasuklah jalinan kerjasama yang melibatkan orang luar seperti pihak penaja, badan kerjasama dan sebagainya.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [Struktur Subjek Criss-Cross.pdf](#)
2. [Senarai Ahli Jawatankuasa KaryaOne 23.pdf](#)
3. [Senarai Ahli Jawatankuasa Pelajar Minggu KaryaOne.pdf](#)
4. [Minit Mesyuarat KaryaOne & Wave Awards Bil 3 09122020 pdf-compressed.pdf](#)
5. [Carta Organisasi KaryaOne AJK Pelajar.pdf](#)

## **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

### **6.3. PELUASAN KEMAHIRAN PERIBADI DALAM PELAKSANAAN**

#### **6.3.1. Evolusi Penganjuran Minggu KaryaONE**

Pelbagai usaha dilakukan bagi menaikkan nama FiTA, bukan sahaja di dalam negara, malah di peringkat antarabangsa. Kejayaan demi kejayaan dikecapi dalam bidang akademik dan salah satunya ialah menjadi antara fakulti di UiTM yang berjaya menghasilkan ramai para graduan berkualiti yang mampu mengisi keperluan industri yang semakin berkembang. Sepanjang acara tahunan Minggu KaryaOne ini dijalankan, ia dikenalpasti sebagai satu langkah yang tepat dalam mengetengahkan para pelajar kepada dunia industri yang sebenar di samping mengangkat imej dan identiti Fakulti Filem, Teater dan Animasi. Evolusi acara tahunan Minggu KaryaOne ini bermula dengan penganjurannya yang julung kali di tahun 2011 sebagai satu platform mempamerkan bakat dan hasil seni karya para pelajar.

Lampiran 6.3.1 (a) Poster Malam KaryaOne yang pertama

Lampiran 6.3.1 (b) Poster Minggu KaryaOne yang terkini

Sejak pertama kali dianjurkan, saban tahun ia sentiasa kembali dengan tema yang kreatif. Bermula dengan sebuah acara kecil-kecilan sehingga kini yang berjaya menembusi peringkat yang lebih jauh dengan membawa tetamu dari luar negara, hasil dari jalinan kerjasama Malah, ia dilihat sebagai satu ruang menzahirkan konsep pengajaran dan pembelajaran luar kuliah, atau class without walls yang menjadi sebahagian proses pembelajaran di UiTM. Acara-acara ini berfungsi sebagai platform bagi para pelajar mengaplikasi pembelajaran kuliah melalui *first-hand experience* dalam suasana sebenar industri. Hal ini amat bertepatan dengan misi dan visi UiTM, iaitu menjadi universiti terkemuka dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan.

Rentetan dari perkembangan ini juga, perluasan yang ketara dapat dilihat ialah dengan tercetusnya pengaplikasian pembelajaran dalam kelas, di lapangan atau dikenali sebagai *Integrated Performing Arts Course* (i-PAC). i-PAC merupakan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan pendidikan secara formal dan praktikal melalui integrasi kursus-kursus utama dari Program Pengurusan Seni, Teater dan Filem. Inisiatif ini, turut dikembangkan dengan program-program lain dari lima bidang pengajian utama di FiTA iaitu Program Penulisan Kreatif dan Program Animasi. Di bawah inisiatif ini, pentaksiran alternatif diformulasikan bagi menilai projek akhir palajar yang memberi penekanan kepada *outcome based learning* (OBE).

Lampiran 6.3.1 (c) Struktur Keberhasilan i-PAC

Penganjuran Minggu KaryaOne merupakan satu pendekatan proaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di universiti, khususnya dalam bidang kreatif. Hal ini selari dengan matlamat UiTM meningkatkan kebolehpasaran graduan, serta menghasilkan generasi berilmu pengetahuan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Poster KaryaOne 2011-converted-compressed.pdf](#)
2. [Poster KaryaOne 22-converted-compressed.pdf](#)
3. [Struktur Keberhasilan IPAC-converted-compressed.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK) – JANGKAAN**

Nyatakan hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan pilihan bagi menjamin kelestarian pencapaian.

Pemantaun terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran diadakan secara berterusan. Melalui perancangan operasi, kaedah pengajaran dan pembelajaran di FiTA melalui iPAC dan program Minggu Karyaone menjangkakan lonjakan hasil seperti berikut:-

#### **6.4.1 (a) Peringkat Antarabangsa - kebolehpasaran graduan dan ketampakan fakulti dan universiti**

Minggu Karyaone melibatkan kolaborasi bersama banyak pihak universiti dan organisasi bukan sahaja dalam negara, malah luar negara. Antaranya adalah tandatangan Memorandum of Understanding (MOU) bersama lebih 100 buah organisasi tempatan dan universiti dan organisasi luar negara seperti Indonesia, India, United Kingdom dan Canada dan banyak lagi. Usaha ini dijangkakan dapat meningkatkan ketampakan fakulti dan universiti, seterusnya naikkan taraf universiti di peringkat dunia. Melalui MOU yang dijalankan pada Minggu Karyaone, pelajar berpeluang untuk menjalani latihan industri bersama syarikat dan organisasi berikut dan ditawarkan pekerjaan setelah tamat pengajian, seterusnya menjamin kebolehpasaran graduan (graduate employability).

#### **6.4.1 (b) Kolaborasi Pihak Industri - maklum balas dan tajaan**

Pihak industri dijemput sebagai penilai bagi projek akhir pelajar. Antranya seperti program Animation Kingdom dan i-PAC di mana pelajar dari Pusat Pengajian Animasi dan Filem memperkenalkan hasil karya mereka sepanjang Minggu Karyaone dan penilai industri dijemput untuk menilai sebahagian daripada hasil kerja mereka. Melalui penilaian ini, pelajar mendapat input dan maklum balas daripada pakar industri secara terus mengenai kesesuaian dan keperluan industri. Proses ini dapat memberi peluang kepada pelajar berkongsi dan memahami bidang selain yang mereka pelajari, meningkatkan soft-skills dalam komunikasi, kerjasama dan kepimpinan serta keusahawanan (pemasaran).

Selain itu, pihak industri turut berkolaborasi dengan memberi tajaan dimana banyak syarikat dan organisasi kerajaan dan persendirian memberi tajaan dalam bentuk kewangan, perkhidmatan dan kepakaran dalam menjayakan Minggu Karyaone.

#### **6.4.1 (c) Perkongsian Kepakaran - pengetahuan luar bilik kuliah dan pendedahan masyarakat**

Di Minggu Karyaone juga, program-program perkongsian dari pakar-pakar bidang seperti seminar dan bengkel turut diadakan. Melalui program-program ini, bukan sahaja pelajar dan pensyarah, malah masyarakat umum didedahkan dengan pelbagai ilmu bermanfaat dalam bidang kreatif. Pakar-pakar bidang dijemput dan diberikan ruang untuk berkongsi ilmu.

#### **LAMPIRAN**

Rujuk lampiran 6.4.1 (a) Senarai MOU bersama universiti dan organisasi luar negara.

Rujuk lampiran 6.4.1 (b) (i) Pameran

projek akhir di Minggu Karyaone (i-PAC dan Animation Kingdom).

Rujuk lampiran 6.4.1 (b) (ii) Senarai Penaja Minggu Karyaone

<https://drive.google.com/file/d/1Zuctiv-ONwoG-V8GLf9dp1wRx2f9Akf-/view?usp=sharing>

Rujuk lampiran 6.4.1 (c) Buku Program Minggu Karyaone 2019 (seminar dan bengkel)

[https://drive.google.com/file/d/1OqoB\\_eRcGlId4Jlzf4VaeHAW1HrCacy2/view?usp=sharing](https://drive.google.com/file/d/1OqoB_eRcGlId4Jlzf4VaeHAW1HrCacy2/view?usp=sharing)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [EVIDENCE 6.4.1-compressed.pdf](#)

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Antara risiko yang dihadapi dalam melaksanakan operasi yang dirancang dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui modul i-PAC dan Minggu Karyaone ini adalah seperti berikut:-

##### **6.4.2 (a) Sumber Kewangan**

Setiap kali Minggu Karyaone dijalankan, antara kekangan yang dihadapi adalah sumber kewangan dan peralatan. Pelajar perlu mengumpulkan dana dan mendapatkan tajaan dari syarikat-syarikat dan organisasi luar untuk memastikan sumber kewangan mencukupi untuk kegunaan seperti sewaan dewan, peralatan audio, lampu, logistik, khemah, kerusi, meja dan honorarium untuk pakar-pakar bidang yang dijemput untuk memberi ceramah. Skala penganjuran Minggu Karyaone adalah bergantung kepada bajet yang diperolehi pada tahun tersebut. Oleh itu, perancangan rapi perlu dibuat bagi memastikan Minggu Karyaone dapat dijalankan dengan sempurna.

##### **6.4.2 (b) Sumber Peralatan dan Teknologi**

Proses pembelajaran yang berlaku sepanjang Minggu Karyaone diadakan di luar bilik kuliah. Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) merupakan lokasi utama setiap kali berlangsungnya Minggu Karyaone. Peralatan dan Teknologi yang disediakan di DATC agak terhad dan tidak mencukupi. Bagi menyelesaikan masalah ini, pelajar telah meminjam dan menyewa keperluan peralatan daripada pihak luar.

##### **6.4.2 (c) Sumber Kepakaran**

Penggunaan teknologi dan peralatan canggih yang selari dengan peredaran zaman memerlukan kawalan dan bantuan daripada pakar bidang yang mahir. Oleh itu, pengajur terpaksa membayar perkhidmatan juru teknikal dan pakar bidang luar dari fakulti dan universiti untuk membantu mengawal dan menjaga peralatan yang disewa atau dipinjam. Selain itu, tenaga pengajar juga tidak mencukupi. Bilangan staf akademik yang ada pada ketika ini adalah seramai 63 orang dan bilangan pelajar pula adalah 2,267 (pada tahun 2019). Ini menjadikan purata tenaga pengajar dengan pelajar adalah 1:36. Bagi menyelesaikan masalah ini, pensyarah sambilan dilantik bagi membantu menampung dan memastikan kecukupan tenaga pensyarah. Tenaga-tenaga pengajar tambahan daripada industri turut dilantik bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

#### **LAMPIRAN**

Rujuk lampiran 6.4.2 Keberkesanan Kaedah Latihan Dengan Risiko Dan Kesempurnaan

<https://drive.google.com/file/d/1N8NS5oXoSCoEG7YRSUy0M97MHtY7BfoE/view?usp=sharing>

Rujuk lampiran 6.4.2 (b) Laporan Kewangan Minggu Karyaone 2019

[https://drive.google.com/file/d/1ApbT4zSfwti3NUMD\\_0\\_MOds46uw8rH6X/view?usp=sharing](https://drive.google.com/file/d/1ApbT4zSfwti3NUMD_0_MOds46uw8rH6X/view?usp=sharing)

**SENARAI BUKTI :**

1. [EVIDENCE 6.4.2-compressed.pdf](#)
2. [6.4.2 \(b\) Laporan Kewangan Minggu Karyaone 2019.pdf](#)

## **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

### **6.4.3 PROSES KAJI SEMULA OPERASI BERORENTASIKAN MATLAMAT UTAMA PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

Nyatakan bagaimana hasil penganalisaan tumpuan operasi di laksanakan untuk tindakan penambahbaikan.

Proses penelitian dan kaji semula kaedah pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara berkala bagi menjamin kualiti kaedah yang dilakukan. Berikut adalah beberapa proses penelitian dan kaji semula yang dijalankan:-

#### **6.4.3 (a) Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti**

Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti diadakan pada setiap hujung semester untuk membincangkan mengenai keputusan akhir pelajar dan mengenalpasti apakah masalah dan penambahbaikan yang boleh dibuat bagi memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Mesyuarat ini melibatkan Dekan, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Dekan Jaringan Industri, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penolong Pendaftar (Akademik). Selain itu, wakil pensyarah dan coordinator bagi kursus universiti turut menyampaikan laporan berkaitan kursus-kursus tersebut. Peratusan pelajar dari setiap program yang mendapat keputusan cemerlang dan gagal dilihat secara mendalam dan dilaporkan. Hal-hal berbangkit juga dibincangkan dan cadangan-cadangan bagi penambahbaikan diutarakan bagi memastikan program yang dijalankan selari dengan Hasil Pembelajaran (Learning Outcome) yang dirancang. Tindakan diambil bagi memperbaiki kekurang yang ditemui bagi memastikan kaedah yang digunakan adalah bersesuaian.

#### **6.4.3 (b) Laporan SuFO dan CDL-CQI**

Student Feedback Online dan laporan CDL-CQI (Continuous Quality Improvement) mengenai keberkesanan sesebuah kursus dilihat dan dibincangkan setiap semester bagi memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan. Melalui laporan ini fakulti dapat memantau dan menyem program yang ditawarkan setiap semester untuk memastikan relevensi, dinamik dan kualiti bagi program yang ditawarkan; mengenalpasti ruang penambahbaikan berterusan di peringkat kursus dan program akademik dan sebagai persediaan lawatan audit dalam oleh pihak Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (Inqka), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional.

#### **6.4.3 (c) Propens**

Profesionalisme pensyarah dipantau melalui penilaian Propens bagi memastikan pengajaran yang dilakukan adalah seiring dengan Hasil Pembelajaran Program / Kursus (PLO/CLO) yang dirancang serta menilai keberkesanan kaedah yang digunakan. Antara kriteria yang dilihat adalah dari segi kandungan, modul dan metod pengajaran serta sikap dan etika seseorang pensyarah. Ini bagi memastikan kualiti pensyarah dan proses pengajaran yang disampaikan adalah relevan dan menepati peraturan yang ditetapkan oleh UiTM.

## **LAMPIRAN**

Rujuk lampiran 6.4.3 (a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti

<https://drive.google.com/file/d/1O64Otg1uuOZm2mMcvRCHL1aVWonsRytu/view?usp=sharing>

Rujuk lampiran 6.4.3 (b) Laporan CDL-CQI

[https://drive.google.com/file/d/1RwFP\\_izLdqu7F3tRIZbL9nGMQAfznBE/view?usp=sharing](https://drive.google.com/file/d/1RwFP_izLdqu7F3tRIZbL9nGMQAfznBE/view?usp=sharing)

Rujuk lampiran 6.4.3 (c) Minit Mesyuarat Propens

<https://drive.google.com/file/d/10Wa1UU9lb5bMUI-1cccMZvSus736FH-o/view?usp=sharing>

**SENARAI BUKTI :**

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kesimpulannya, iPAC adalah invovasi kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersifat gabungan (*criss-cross*) diantara program-program yang ditawarkan oleh FiTA. Melalui Minggu Karyaone, para pelajar dapat mempraktikkan teori yang dipelajari dalam bilik kuliah dan berpeluang mengasah *soft-skills* seperti kerjasama, kepimpinan, komunikasi, pemasaran, dan penyelesaian masalah. Kaedah ini membantu meningkatkan pengetahuan dan skil pelajar secara holistik yang mana ia menyumbang kepada pembangunan pemikiran serta jati diri mereka agar berupaya untuk bersaing dalam industri kreatif setelah tamat pengajian.

i-PAC melalui Minggu Karyaone dilihat sebagai satu modul yang ideal dalam melatih dan memahirkan pelajar menghadapi cabaran dunia pekerjaan sebenar. Pengalaman yang diberikan secara *hands-on* membantu memberi gambaran sebenar apakah yang bakal dialami apabila masuk ke dunia pekerjaan nanti. Proses ini dianggap penting terutamanya apabila melibatkan bidang kreatif yang mana ilmu teori dan praktikal harus seiring.

Limitasi i-PAC pada ketika ini adalah ianya hanya dijalankan menerusi beberapa kursus terpilih dalam Fakulti Filem, Teater dan Animasi sahaja. Pada masa akan datang, i-PAC boleh dikembangkan kepada gabungan (*criss-cross*) antara FiTA dengan fakulti dan bidang-bidang lain seperti sains dan teknologi.

**(172 / 350 patah perkataan)**

### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil ketiga yang dipilih adalah daripada Tumpuan Kepada Operasi. Kupasan akan dibuat dari segi kemahiran peribadi sebagai medium pelaksana bagi ilmu praktikal, pencapaian perluasan rangkaian dari dalam dan luar negara, kepuasan sumber manusia, kejayaan kerja berpasukan sebagai budaya kerja perdana, dan kemahiran insaniah: proses generik merentasi pelbagai domain pembelajaran.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tumpuan Kepada Operasi dipilih kerana secara keseluruhannya bagi setiap tingkat dalam proses pengajaran dan pembelajaran proses operasi merangkumi pelbagai tahap. Tahap yang dimaksudkan adalah tahap pembentukan (*Forming*), tahap konflik (*Storming*), tahap normalisasi (*Norming*), tahap bekerja (*Performing*) dan tahap pembubaran (*Adjourning*). Setiap tahap ini merangkumi idea, perancangan, pelaksanaan, selepas pelaksanaan, *post-mortem* dan pelaporan lengkap. Setiap aspek ini mempunyai kumpulan operasi yang menggerakkan kerja sehingga keberhasilan kerja tersebut dapat mewujudkan satu *wow factor* yang menjadi perhatian bukan sahaja dalam universiti malah nasional dan antarabangsa juga.

Melalui hasil ketiga dalam kriteria 7 ini, setiap perkara yang dikupas dalam kriteria 6 akan diperincikan hasilnya untuk melihat impak yang membolehkan pelaporan ini adalah bukti keberjayaan sesuatu program yang diangkat. Kupasan bagi pendekatan, perluasan, pemantauan, mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan dan integrasi merupakan pecahan bagi setiap bahagian yang akan dikupas. Kupasan pula akan terus fokus kepada salah satu aktiviti atau acara KaryaOne yang telah mencapai tahap yang mampu dijadikan kayu pengukur bagi aktiviti lain pada masa akan datang.

iPAC merupakan aktiviti utama yang diangkat dalam KaryaOne dan menghubungkan FiTA dengan dunia luar. Keupayaan iPAC dalam membawa FiTA terus berkembang adalah disebabkan pelajar, pensyarah dan staf FiTA dan UiTM yang sentiasa memperlihatkan FiTA sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dengan industri sebenar. Pelajar yang dilahirkan di FiTA dikategorikan sebagai pelajar *ready-made* kepada industri kerana mereka akan membawa semua hasil pembelajaran teoro dan praktikal ke dalam industri dengan lebih mudah dan lancar.

Pelajar, pensyarah dan staf FiTA adalah pihak yang terbabit secara langsung dalam menjayakan keseluruhan program dibawah pengajaran dan pembelajaran. Kcemerlangan ini disokong sepenuhnya oleh UiTM, pemain industri dalam dan luar negara, ini melibatkan pelbagai aspek dari pengurusan acara, penajaan, idea dan sebagainya. Setiap daripada mereka adalah tulang belakang yang melonjakkan iPAC pada masa lalu, sekarang dan akan datang. Setiap sokongan mereka adalah satu langkah yang membawa ke satu destinasi kecemerlangan FiTA dan UiTM sehingga ke peringkat antarabangsa.

Kcemerlangan aktiviti yang dilaksanakan bukan satu perkara yang mudah. Setiap perancangan adalah bermula daripada awal tahun dan awal semester bagi setiap kali semester bermula. Perancangan awal tahun adalah melalui perancangan kalendar aktiviti FiTA yang dikendalikan terus dibawah Pengurusan fakulti (terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian dan semua ketua sistem dalam fakulti). Perancangan ini disesuaikan dengan kelas yang akan mengendalikan dan ini merupakan sebahagian penilaian berterusan pelajar. Penilaian berterusan ini telah dirancang awal bermula daripada idea untuk membangunkan semua program di FiTA.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [712 KARYAUNE DARI PDP KE INOVASI-LATEST latest 17 sept-converted.pdf](#)

### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [713 Tren \(Trend\)-converted.pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [714 PERBANDINGAN ATAU TANDA ARAS latest.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [715 KEPENTINGAN-converted.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil pertama yang dipilih adalah daripada Kepimpinan. Hasil akan memperincikan tentang Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran yang menjadikan KaryaOne sebagai platform Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) ke Inovasi, diikuti dengan tren i-PAC yang diangkat sebagai modul utama PdP di FiTA. Ini dibuktikan dengan kemenjadian pelajar FiTA dalam dan luar industri kreatif Malaysia.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil pertama yang dipilih adalah daripada kriteria kepimpinan. Kupasan akan dibuat dari segi latihan yang diberikan oleh tenaga pengajar yang bertindak sebagai fasilitator serta gabungan beberapa pihak lain. Ia juga akan memaparkan kejayaan kerja berpasukan di antara pihak FiTA dan juga pelajar supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika. Kriteria kepimpinan turut memperlihat penerapan nilai-nilai murni dalam diri graduan.

Bagi mempamerkan bakat dan hasil seni kreatif para pendidik kepada umum, Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam telah mewujudkan minggu KaryaOne, program tahunan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 itu bermatlamat untuk mengasah bakat dan memahirkan para pelajar dalam bidang masing-masing sebagai persediaan mereka menempuh alam pekerjaan sebagai pengiat seni kreatif kelak. Susulan itu, itu, para pelajar yang terlibat bakal diberikan tanggungjawab sepenuhnya untuk mengusahakan dan mengendalikan program- program Minggu KaryaOne 21, dengan sokongan daripada para pensyarah dan seluruh warga FiTA. Mereka juga dinilai melalui beberapa kursus yang berkaitan dengan tugas yang mereka laksanakan.

Terdapat beberapa program yang diadakan menerusi program tersebut, antaranya adalah FiTA KaryaOne Awards 2018 dan ia merupakan acara kemuncak yang dinanti-nantikan oleh setiap ahli terlibat kerana program ini akan mempamerkan hasil kerja para pelajar FiTA serta akan dipertandingkan dan dianugerahkan menerusi beberapa kategori pencalonan yang serupa dengan anugerah festival kesenian di Malaysia dan antarabangsa.

Acara ini turut menganugerahkan pelopor industri di atas sumbangan mereka dalam bidang industri kreatif dan pendidikan. Pelbagai persembahan menarik turut diadakan untuk menonjolkan bakat para pelajar FiTA. Selain itu, para penggiat industri seperti para pengarah, pelakon, penyanyi dan selebriti turut dijemput hadir bagi mewarnai program.

Kewujudan program itu turut dapat memberikan keyakinan kepada pelajar untuk mempamerkan hasil mereka serta dapat membuka ruang kepada mereka supaya diiktiraf serta terkenal dalam kalangan pengiat seni industri kreatif tanahair. Melalui program ini juga, para pelajar bukan sahaja dapat meluaskan pengetahuan dalam bidang masing-masing, malahan mereka juga dapat membentuk sahsiah dan jati diri yang positif.

Selain pelajar, terdapat ahli jawatankuasa yang turut terlibat untuk memimpin dalam program tersebut antaranya para pensyarah FiTA. Tugas pensyarah adalah sebagai Rundingcara Karyawan, Penajaan, Pengurusan Produksi, Produksi Kamera Berbilang (MCP), Pengendalian Kamera, Penulisan Skrip, Penulisan Media Elektronik, Rekaan Grafik 2D dan 3D, Rekaan Set Pentas dan Kostum, Rekaan Pencahayaan, Strategi Pemasaran, Penjanaan,

Di samping itu, selain turut melibatkan persatuan pelajar seperti Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF), acara itu juga mendapat kerjasama daripada beberapa organisasi luar, badan-badan korporat, pengamal industri dan penaja individu serta syarikat-syarikat luar untuk memimpin projek tersebut. Khidmat kepimpinan juga diteruskan dengan meraih bantuan dari pihak media antaranya bahan-bahan publisiti dan promosi yang digunakan adalah melalui siaran televisyen, stesen radio, surat khabar, laman web FiTA, media sosial seperti Facebook dan Instagram

FiTA, poster, banting, banner, flyers, brochures dan sebagainya.

Selain itu, mekanisme utama yang digerakkan oleh Kepimpinan FiTA dalam melaksanakan PDCA adalah melalui mesyuarat Work in Progress (WIP) yang dilakukan secara mingguan dan dihadiri oleh Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Ketua Pascasiswazah, Koordinator Kursus Fakulti, dan Profesor bersama ketua-ketua pentadbiran dan unit teknikal. Ini bagi memastikan inisiatif yang dirangka dapat dijayakan.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [Hasil Utama 2\\_Tahap Pencapaian.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [Hasil Utama 2\\_Tren.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [Hasil Utama 2\\_Perbandingan.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [Hasil Utama 2\\_Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil kedua dipilih adalah daripada Tumpuan Sumber Manusia. Huraian rumusan hasil ini disusun berdasarkan beberapa tema keseluruhan FiTA-KaryaOne yang mengangkat kepentingan bakat dan kemahiran seni kreatif iaitu dari aspek amalan pembudayaan teori-amali sebagai pelaburan latihan, keperkasaan, kelestarian dan pembinaan insaniah ke arah sumbangan kepada sumber manusia industri kreatif.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan sumber manusia adalah aspek terpenting di dalam organisasi kerana ia melibatkan bagaimana keperluan tugas dan tanggungjawab sumber manusia itu dapat digunakan sebaiknya bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran. Di dalam mencapai tujuan ini, FiTA cuba mencapai matlamat objektifnya melalui perancangan strategik dan mengoptimumkan operasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam kaedah yang tersendiri sejajar dengan visi dan misi UiTM.

Program KaryaOne adalah salah satu inisiatif strategik FiTA (Rujuk 7.3.1.2 Hasil Dari Perlaksanaan Strategi) dalam mencapai visi dan misi sumber manusianya di dalam bidang industri kreatif. Kewujudan program KaryaOne adalah seiring dengan objektif FiTA dalam membuka peluang dan menghasilkan Bumiputera profesional yang berkualiti dan berinovatif dan mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan industri kreatif. Cetusan ilham KaryaOne ini juga bagi mempersiapkan graduan FiTA dengan ilmu dan kemahiran bukan sahaja melalui teori tetapi mementingkan aspek amalinya. Dengan jalinan teori-amali ini, penguasaan ilmu seni kreatif dapat berkembang dengan pesat.

#### **Penjenamaan dan Keterlibatan Sumber Manusia**

Uniknya, program KaryaOne dalam kata lain adalah ekspo dan pameran projek tahun akhir pelajar diadakan sebagai acara tahunan FiTA sejak penubuhan fakulti. Program berskala besar ini dianjur dan dikendalikan sepenuhnya oleh sumber manusia di dalam organisasi FiTA dari Pengurusan Tertinggi hingga pelajar-pelajar di semua program pengajian. Pengendalian KaryaOne dibuat dengan mengambilira kepakaran bidang setiap kakitangan dan pelajar FiTA. Ini boleh dilihat di dalam pemilihan jawatankuasa KaryaOne yang dilantik adalah berdasarkan kepakaran bidang masing-masing.

Program KaryaOne berkonsepkan *Integrated Performing Arts Courses* (iPAC) di mana program ini bersifat integrasi acara-acara kesenian di bawah satu bumbung apresiasi seni kreatif. Antaranya adalah Promosi Filem, Teguh Rasa (Tari dan Persembahan), *Clash of Talents* (Persembahan Bakat Nyanyian), Wilayah Aksara (Pentas Ekspresi Puisi), *Animation Kingdom* (Pameran Hasil Karya Pelajar Animasi), Pameran Sinefoto (Fotografi), Wacana Seni, *FiTA Cosplayer*, Zumba, dan Mini Karnival & *FiTApreneur*.

KaryaOne juga menempatkan acara Majlis Anugerah Dekan bagi meraikan pencapaian cemerlang para pelajar FiTA. Kemuncak program KaryaOne adalah majlis Malam Anugerah KaryaOne di mana ia memberikan anugerah dan penghargaan kepada karya pelajar yang dipertandingkan di dalam pelbagai kategori.

Melalui pendekatan yang dibawa melalui acara KaryaOne, kepakaran sumber manusia di dalam ilmu kesenian dan kemahiran filem, teater, pengurusan seni, penulisan kreatif, dan animasi dapat dirancang dengan rapi pembangunannya. Sumbangan kepada industri kreatif dapat dilihat dengan perombakan pelapis baharu sumber manusia yang dilatih di institusi pengajian tinggi dan secara tidak langsung mengekalkan kelestarian di antara akademia dan industri kreatif.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [TAHAP KEMAHIRAN PERIBADI SEBAGAI MEDIUM PELAKSANA YANG SEMPURNA BAGI ILMU PRAKTIKAL.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [KEPUASAN SUMBER MANUSIA DALAM MENERIMA KREATIVITI SEBAGAI KAEADAH PENYAMPAIAN ILMU PENGETAHUAN.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [PENCAPOAIAN DALAM MELUASKAN RANGKAIAN DARI DALAM DAN LUAR NEGARA.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [PENGURUSAN GENERIK MERENTASI PELBAGAI DOMAIN PEMBELAJARAN SERTA KESEMPURNAAN DALAM PENYAMPAIAN \(1\).pdf](#)